**Penganugerahan pingat negeri** MS 3



**MoU IKEA termeterai** MS 7

**Pakir Bkt. Bendera jangka buka Feb. 2015** MS 9



PERCUMA

buletin **Mutiara**

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 30 SEPTEMBER 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# RM1.6 juta bina bangunan baru SAR, P. Pinang dipuji

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENANTI** – Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) meluluskan peruntukan RM1.6 juta bagi membina bangunan tiga tingkat baru Sekolah Agama Rakyat (SAR) Maahad Tarbiah yang terdiri daripada enam bilik darjah serta dewan serba guna di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana fokus pada pembangunan pendidikan, selain, giat mengembangkan potensi ekonomi negeri.

"Selepas Kerajaan Negeri diperintah oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya dimaklumkan peruntukan untuk SAR baru ada, sebelum itu semua disekat sungguhpun anak-anak kita sangat perlu bantuan serta infrastruktur pendidikan seumpama ini.

"Walau apapun perbezaan politik di peringkat pentadbiran, saya puji Y.A.B. Ketua Menteri kerana fokus pada pemberian pelbagai insentif pendidikan tanpa mengira kaum dan kepercayaan," ujarnya dalam ucapan perasmiannya, sebelum menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Bangunan SAR Maahad Tarbiah di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berucap mewakili Guan Eng, manakala, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berucap mewakili Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP), Datuk Mansor Othman (Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal), Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti) dan Ustaz Ibrahim Mat (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan SAR Maahad Tarbiah).



**ANWAR Ibrahim ketika menyempurnakan gimik Majlis Pecah Tanah Pembangunan Bangunan SAR Maahad Tarbiah di sini baru-baru ini.**



**SEORANG pelajar yang menerima sumbangan pendidikan bersalaman dengan Anwar Ibrahim (tiga dari kiri) sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.**

Dalam perkembangan lain, Anwar turut menyokong hasrat pentadbiran Guan Eng memohon Kerajaan Pusat membiayai pemajuan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tamil pertama di Malaysia di atas sebidang tanah dekat kawasan Parlimen Bagan yang akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

"Kerajaan Pusat sepatutnya tidak perlu menolak permohonan ini kerana ini pendidikan untuk anak-anak kita, baik berbangsa India atau beragama Islam... ini Malaysia, yang lebih adil," tegas Anwar yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia di depan hampir 300 hadirin.

Difahamkan, Kerajaan Negeri hari ini sejak tahun 2009 hingga sekarang meluluskan peruntukan antara RM1.5 juta hingga RM1.75 juta kepada 102 SAR di negeri ini. (Lampiran 1).




Sebelum itu, Anwar menjelaskan, jawatankuasanya hampir putus asa kerana permohonan pemajuan SAR itu daripada pihak berwajib pada era 1980-an dan 1990-an beberapa kali gagal.

Bagaimanapun, beliau melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini atas kelulusan permohonan tersebut.

Siaran Media oleh: **Ir. Jaseni Maidinsa**
**Pengurus Besar, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd**
**Ketua Pegawai Eksekutif, PBA Holdings Bhd.**

**KM: 35% REBAT TARIF AIR PERNIAGAAN UNTUK SEKTOR PEMBINAAN**

**PULAU PINANG:** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) hanya akan menawarkan rebat 35% ke atas tarif baru yang dicadangkan ke atas sektor pembinaan/pengubahsuaian.

Ini berikutan pengumuman yang dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng, pada 10 September 2014 lalu, bahawa rebat khas ini adalah untuk menyokong persekitaran perniagaan kondusif bagi pelaburan, pembangunan hartanah dan perkembangan ekonomi di negeri Pulau Pinang.

YAB Tuan Lim berkata: "Pada 30 April tahun ini, PBAPP telah menghantar cadangan kajian semula tarif air kepada SPAN. Mengikut cadangan ini, kadar rata tarif bagi 'Bekalan Air Sementara – Pembinaan/Pengubahsuaian' akan dinaikkan daripada RM1.52 bagi setiap 1,000 liter kepada RM3.00 setiap 1,000 liter.

"Selepas menimbangkan rayuan daripada Persatuan Pembina dan Pembekal Bahan Binaan Pulau Pinang, kita bersetuju untuk mengkaji cadangan kadar rata itu kepada RM1.95 setiap 1,000 liter untuk kerja-kerja pembinaan sahaja, dan bukan untuk kategori pengguna perniagaan lain, yang akan dibilkan dengan purata tarif yang lebih rendah iaitu RM1.36 setiap 1,000 liter bagi 500,000 liter yang pertama sebulan. Kadar Rata RM1.95 setiap 1,000 liter untuk kawasan pembinaan adalah antara yang terendah di negara ini," katanya.

YAB Tuan Lim memaklumkan bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah meluluskan 160 projek di Pulau Pinang bagi separuh tahun pertama 2014. Daripada jumlah itu, 25 adalah projek kerajaan dan 135 adalah projek swasta. Dari segi nilai ringgit, unjuran keseluruhan pelaburan berjumlah RM1.985 billion.

YAB Tuan Lim berkata pelaburan tempatan dan asing lain yang membabitkan projek pembangunan dan pembinaan yang diumumkan baru-baru ini termasuk:

- Kilang pembuatan Seagate bernilai RM1.05 bilion di Batu Kawan;
- Projek "Penang International Technology Park dan Business Process Outsourcing Prime" bernilai RM11.3 bilion – usaha sama di antara PDC dan Temasek; dan
- Projek IKEA bernilai RM8.0 bilion.

"Kita perlu memastikan Pulau Pinang terus mampu menarik projek pembangunan yang menguntungkan dan berterusan untuk kemantapan ekonomi negeri. Kemantapan ekonomi sudah tentu akan menguntungkan rakyat di negeri Pulau Pinang.

"Oleh yang demikian, kita bersetuju untuk menawarkan rebat 35% untuk bekalan air di kawasan pembinaan, walaupun ia akan mengurangkan perolehan PBAPP," tambah YAB Tuan Lim.

Pelaksanaan rebat 35% oleh PBAPP ini akan diberitahu kelak.

# Insentif sebagai galakan & penghargaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**ZULHELMI Md. Pisol yang diapit kedua ibu bapanya menunjukkan replika cek yang diterima pada Majlis Penyampaian Insentif Sukan Komanwel Glasgow 2014 Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Atlet angkat berat negara yang merupakan anak jati Pulau Pinang, Zulhelmi Md. Pisol, 21, menerima insentif khas Kerajaan Negeri berjumlah RM20,000 ekoran aksi cemerlang pada kejohanan Sukan Komanwel Ke–20 di Glasgow, Scotland baru-baru ini.

Beliau menerima pengiktirafan tersebut ekoran kejayaan merangkul pingat Perak dan merupakan penyumbang pertama pingat negara menerusi sukan Angkat Berat Kategori 56 Kilogram (kg).

Turut bersamanya, lima atlet lain termasuk Ratu Skuasy negara, Datuk Nicol Ann David yang menerima insentif RM40,000 ekoran kejayaan merangkul pingat Emas Persorangan Wanita ; Ooi Tze Liang (3 meter Papan Anjal, Emas dan 10 meter Platform, Perak Akuatik Terjun, keseluruhan RM60,000) ; Chan Peng Soon dan Tee Jing Yee (Badminton Campuran Berpasukan, Emas, masing-masing RM7,500) ; Azalina Arshad (Boling Padang, Fours, Perak, RM5,000).

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut menemani, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon bersama-sama Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Zulhelmi ketika ditemui berkata, kejayaan memenangi pingat Perak adalah amat bermakna buat dirinya memandangkan ia adalah penyertaan sulungnya dalam sukan berprestij kedua terbesar dunia.

"Ini adalah penyertaan pertama saya.

"Syukur alhamdulillah, ianya membuahkan kejayaan setelah saya melalui latihan seawal usia 13 tahun di bawah jurulatih dari Bulgaria," ujarnya yang turut menjadikan jaguh angkat berat negara, Amirul Hamizan Ibrahim sebagai idolanya pada Majlis Penyampaian Insentif Sukan Komanwel Glasgow 2014 Kerajaan Negeri di Komtar di sini baru-baru ini.

Ketika ditanya berhubung perancangan ekoran penerimaan insentif berkenaan, Zulhelmi yang hadir bersama-sama kedua ibu bapanya memberitahu bahawa beliau ingin memfokuskan kepada kejohanan Sukan Asia Ke-17, Incheon, Korea Selatan terlebih dahulu.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyifatkan sumbangan tersebut adalah keputusan berani dibuat Kerajaan Negeri apabila memperuntukkan RM140,000 iaitu setengah daripada jumlah insentif disumbangkan Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) Majlis Sukan Negara (MSN).

"Ini adalah sebagai galakan dan penghargaan kepada mereka kerana telah mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia.

"Harapan agar lebih ramai anak muda mengikuti jejak langkah kejayaan mereka dan menempa kejayaan di peringkat yang lebih tinggi," ujar beliau.

Sukan Komanwel Ke-20 telah berlangsung di Glasgow, Scotland dari 23 Julai hingga 3 Ogos lalu.

Kontinjen negara dengan kekuatan seramai 269 atlet dan pegawai telah menyertai 14 daripada keseluruhan 17 jenis sukan yang dipertandingkan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 16 atlet adalah merupakan anak jati Pulau Pinang yang mengambil bahagian dalam lapan jenis sukan iaitu Akuatik Terjun, Angkat Berat, Badminton, Berbasikal, Boling Padang, Hoki, Skuasy dan Menembak.

# Saling hormat untuk hidup dalam erti kata kemerdekaan – KM

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**MERIAH...** Sempena sambutan Hari Malaysia Ke-51 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan rakyat negeri ini supaya saling menghormati antara satu sama lain sekiranya mahu hidup dalam erti kata kemerdekaan, bebas daripada penjajah dan hidup dengan penuh bermaruah.

Katanya, pepatah Melayu ada mengatakan bahawa 'tak kenal maka tak cinta'.

"Justeru, marilah kita semua berusaha supaya setiap kaum di Malaysia dapat mengenali antara satu sama lain serta saling berkongsi budaya, ilmu pengetahuan, bahasa dan lain-lain bagi mewujudkan perpaduan,'' ucapnya pada majlis sambutan berkenaan di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Menyerikan majlis tersebut adalah kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas serta isteri, Toh Puan Majimor Shariff. Turut hadir, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Selain tarian tradisional pelbagai etnik Sabah dan Sarawak, pertunjukkan bunga api turut menggamit suasana malam sambutan berkenaan.



**ANTARA persembahan tarian tradisional yang dipersembahkan pada Majlis Sambutan Hari Malaysia Ke-51 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

*Majlis Penyampaian Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kehormatan Sempena Sambutan Ulangtahun Ke-76 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.*

# KSN terima darjah tertinggi D.U.P.N.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa mendahului senarai 1,156 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri Pulau Pinang sempena sambutan ulangtahun ke-76 Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Ali, 59, adalah penerima tunggal darjah tertinggi negeri Pulau Pinang, Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Menurut senarai penerima dikeluarkan Bahagian Persidangan dan Anugerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, hanya seorang penerima menerima Darjah Panglima Pangkuan Negeri (D.P.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri iaitu Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Selain itu, sembilan penerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus, Prof. Dr. H.C. Ludwig Georg Braun (Pengerusi bagi Supervisory Board of B. Braun Melsugen AG), Datuk Ibrahim Ahmad (Pengerusi Eksekutif Brahim's Holding Berhad dan Dewina Holdings Sdn. Bhd.), Datuk Khor Teng Tong (Pengerusi Eksekutif Hunza Properties Sdn. Bhd.), Datuk Yusuf Taiyoob (Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Yusuf Taiyoob Sdn. Bhd.) dan. Datuk Zainal Azman Zainul Aziz (tokoh usahawan peruncitan).



**(Dari kiri), ISTERI kepada Speaker Dewan Undangan Negeri, Datin Teoh Hooi Tuang, isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng dan isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datin Seri Hamidah Mat Daud memberikan *pose* menarik.**



**DR. Abdul Rahman Abbas (depan, berkaca mata) melakukan pemeriksaan barisan sebelum berlangsungnya majlis penganugerahan.**

Seramai 16 penerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) yang membawa gelaran Datuk, antaranya, Leftenan Jeneral Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Datuk Abdul Hadi Hussain, Datuk Bhupinder Singh Jeswant Singh (Pakar Perunding Patologi Forensik Hospital Pulau Pinang), Mejar Jeneral Datuk Wira Md. Tajri Alwi (Datuk Paduka Maharaja Lela di Istana Negara), Mejer Jeneral Datuk Mohd. Shukri Ahmad (Panglima 2 Divisyen Rejimen Askar Melayu Diraja) dan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Laksamana Maritim Datuk Mohd. Amdan Kurish.

Turut sama, Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Datuk Ong Kok Sun (Pengarah Urusan OSK Reality Development Sdn. Bhd.), Datuk Pulayantran Kayambu (Penasihat Persatuan Pembangunan Ekonomi Usahawan Masyarakat India), Datuk Ir. Teh Kean Ming (Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan IJM Corporation Berhad) dan Datuk Syed Jaafar Syed Ali (Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Negeri Pulau Pinang).

Manakala, seramai 64 individu menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran Datuk, antaranya Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Abu Jamal Nordin, Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, Aliza Sulaiman, Maimunah Mohd. Sharif (Yang dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai), Maktar Shapee (Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap) dan Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Selain itu, 65 individu menerima Darjah Johan Negeri (D.J.N.), Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N.) (32 orang), Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T.) (160), Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) (442), Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M.) (310) dan Pingat Bakti Setia (P.B.S.) seramai 56 orang.

Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan itu berlangsung selama empat hari iaitu pada 20 September, 22 September, 24 September dan 25 September di Dewan Sri Pinang di sini.



**DATUK Seri Farizan Darus serta isteri merakam gambar kenangan bersama-sama Datuk Aliza Sulaiman (dua dari kanan) dan suami.**



**DATUK Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.**



**DATUK Maktar Shapee.**

# Terima kasih kepada pihak yang sentiasa sokong - Datuk Maimunah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Transformasi dilakukan Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif terhadap organisasi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dilihat sebagai batu loncatan yang melayakkan beliau menerima anugerah Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa kepada gelaran Datuk di sini baru-baru ini.

Maimunah menerima darjah kebesaran tersebut sempena sambutan ulangtahun ke-76 Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, antara pembaharuan yang beliau lihat sangat penting dalam MPSP hari ini adalah mengembalikan kontrak pungutan sampah kepada PBT sebagai penjimatan perbelanjaan serta bajet dan menaiktaraf pasar-pasar awam serta tempat makan di sekitar Seberang Perai.

"Selain kontrak pembersihan, pungutan sampah, naiktaraf fasiliti, saya turut mengeluarkan satu pelan promosi pelancongan di kawasan yang jarang dikunjungi pelancong dekat Seberang Jaya.

"Malah, selain perubahan dalam kerajaan tempatan, kecekapan tadbir urus kewangan MPSP turut dilihat sebagai kecemerlangan sepanjang pentadbiran saya," katanya kepada Buletin Mutiara selepas menerima darjah kebesaran berkenaan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Maimumah bercadang mengantarabangsakan lagi MPSP dengan menyertai badan-badan antarabangsa.

"Apa yang penting sekarang, saya ingin meneruskan khidmat cemerlang dan terus bekerja keras memacu MPSP ke peringkat yang lebih tinggi seiring dengan kemajuan negeri Pulau Pinang," tambahnya.

Serentak itu, ekoran pengiktirafan tersebut, Maimunah menzahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada pihak-pihak yang senantiasa menyokong beliau terutamanya Kerajaan Negeri, keluarga, MPSP sendiri dari kakitangan atasan sehinggalah bawahan.

"Tanpa pihak-pihak tersebut yang banyak membantu, tidak mungkin saya berada seperti di tahap sekarang," seru Maimunah.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain beramah-mesra dengan Skuad 3D MPSP yang menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena sambutan ulangtahun ke-76 TYT di sini baru-baru ini.**

# Surau taraf 5 bintang dalam risalah pelancongan - Exco Agama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Agama, Datuk Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, pihaknya menubuhkan satu jawatankuasa penilai untuk memberi penarafan kepada 150 surau awam berwajib di negeri ini.

Menurut beliau, surau awam yang diberi penarafan cemerlang dengan lima bintang akan diberi keistimewaan, antaranya, dimuat cetak serta dipamerkan dalam risalah pelancongan terbitan negeri kelak.

"Surau-surau yang menepati piawaian tertinggi akan diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri sebagai tanda penghargaan atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak bertanggungjawab terhadap surau berkenaan.

"Surau-surau itu akan disenaraikan dalam risalah Kerajaan Negeri, termasuk risalah pelancongan," ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Abdul Malik menjelaskan, proses penilaian dalam tempoh 10 hingga 26 September lepas bagaimanapun tidak termasuk surau kariah masjid yang diwujudkan di taman perumahan dan kampung.

Justeru, katanya, enam pasukan penilai daripada enam pentadbiran agama telahpun ditubuhkan untuk melaksanakan program penarafan surau di negeri ini.

"Kesemua pasukan penilai tersebut dianggotai wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan panel bebas.

"Kesemua surau dinilai berdasarkan tiga komponen utama, iaitu, 50 peratus dari segi kemudahan fasiliti, kebersihan dan keceriaan (40 peratus), penilaian dari segi pengurusan (10 peratus)," ujar Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Difahamkan, penarafan lima bintang diberikan kepada surau yang mempunyai markah antara 90 peratus hingga 100 peratus, diikuti empat bintang (80 peratus hingga 89.9 peratus), tiga bintang (70 peratus hingga 79.9 peratus), dua bintang (60 peratus hingga 69.9 peratus), satu bintang (50 peratus hingga 59.9 peratus) dan tanpa bintang (markah di bawah 49 peratus).



ABDUL Malik Abul Kassim pada sidang media di pejabatnya di sini baru-baru ini.

## 138 pelajar DUN Seberang Jaya terima Biasiswa Kecil Negeri

**SEBERANG JAYA** – Seramai 138 pelajar terpilih daripada lima sekolah di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya menerima sumbangan RM101,280 Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dalam ucapannya berharap semua pelajar terpilih berkenaan memanfaatkan biasiswa masing-masing sebaik mungkin.

"Kerajaan Negeri hanya mampu membantu melalui pemberian biasiswa seumpama ini kepada mereka yang layak.

"Tetapi, masa depan tiap-tiap pelajar sebenarnya boleh dipilih atau diubah dengan syarat mereka sendiri tekun memburu kejayaan di sekolah mulai hari ini," ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini.



MUHAMMAD Ikhwan Hakimi menunjukkan sijil penghargaan diterimanya sambil ditemani Norazliza Hamidon pada Majlis Penyampaian Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Difahamkan, seramai 23 pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Jaya menerima biasiswa berjumah RM16,680, diikuti, SMK Permatang Rawa (35, RM25,800), SMK Pauh Jaya (27, RM19,320), SMK Tun Hussein Onn (35, RM29,280) dan SMK Bandar Perda (13, RM10,200).

Dalam pada itu, Muhammad Ikhwan Hakimi, 17, pelajar dari SMK Pauh Jaya yang ditemui kemudian melahirkan penghargaan atas sumbangan tersebut.



SIDHARTHA Sham Hari.

Menurut beliau, Pejabat ADUN Seberang Jaya yang menguruskan permohonan biasiswa tersebut, selepas beliau terlibat dalam satu kemalangan jalan raya pada 7 Januari lepas.

"Saya berasa sangat terharu, terima kasih kepada pejabat YB (Dr. Afif) kerana membantu proses permohonan biasiswa ini dulu," jelas Muhammad Ikhwan, diiringi ibunya, Norazliza Hamidon, 42.

Nada sama turut diluahkan Sidhartha Sham Hari, 16, pelajar dari SMK Permatang Rawa.

"Ayah saya sudah meninggal dunia, (manakala) mak saya sudah hilang pekerjaan tetap. Biasiswa ini cukup bermakna bagi pelajar terpilih seperti saya," ujar pelajar berkenaan.

# Untung tender terbuka, pasar awam siap ikut jadual - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembinaan Pasar Awam Perkampungan Juru yang menelan belanja RM1,398,000 dalam tempoh enam bulan dan siap pada 30 Mei lepas menjadi satu lagi rekod Kerajaan Negeri mengotakan janjinya demi keselesaan hidup rakyat di negeri ini.

"Ada orang kata rakyat Malaysia tak biasa dengan tender terbuka, tetapi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuktikan bahawa amalan tender terbuka ini berjaya dibuat dengan baik sekali.

"Hari ini, sekali lagi kita buktikan bahawa Kerajaan Negeri tepati janji... tender dipanggil secara terbuka dan diberikan kepada (pemaju) Sifar Bina," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Pasar Awam Perkampungan Juru di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Ong Chin Wen (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bukit Tengah), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausahanya, Sr. Rozali Mohamud serta Shafiqah Shobha Abdullah (Ahli Majlis MPSP).

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, amalan tender terbuka yang diamalkan di negeri ini ternyata lebih memberi peluang kepada syarikat kontraktor berwibawa untuk memajukan projek-projek berkaitan Kerajaan Negeri.

"Sungguhpun nama syarikat 'sifar', tetapi, yang penting syarikat ini ada sifat kelemahan dan boleh siapkan projek ini seperti dijanjikan.

"Tender terbuka yang diamalkan menunjukkan kita berkebolehan dan mampu untuk melaksanakan projek-projek bagi bersama-sama anak-anak syarikat (daripada) anak-anak negeri tempatan," kata Guan Eng yang juga ADUN Air Putih.

Difahamkan, Kerajaan Negeri mensasar siap projek baik semula 11 pasar awam di sekitar Pulau Pinang menjelang tahun 2014, selain, baik pulih kecil 23 pasar awam lain dengan peruntukan RM5 juta.

Dalam tempoh tahun 2014, tiga buah pasar awam dinaiktaraf menggunakan RM1.134 juta bajet Kerajaan Negeri.

Manakala, Pasar Awam Perkampungan Juru pula terdiri daripada 88 unit gerai jualan, iaitu 25 petak am, 26 petak makanan, petak runcit (7), gerai jualan sayur (9), gerai jualan ikan (9), gerai jualan ayam (2), gerai buah-buahan (4) dan gerai daging khinzir (6).

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut menjelaskan, kos kontrak pembersihan pasar serta kompleks makanan bagi tahun 2013 berjumlah RM1,800,336 dan MPSP mengambil alih semua kerja pembersihan tersebut September tahun ini.




**WAJAH baru Pasar Awam Perkampungan Juru semasa majlis perasmiannya di sini baru-baru.**

## Dua bulan tender terbuka bina 600 rumah di Ujung Batu

**BAYAN BARU -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyatakan hasrat untuk membina 600 unit rumah mampu milik di atas sebidang tanah berkeluasan 5.2 hektar di Ujung Batu dekat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam, Seberang Perai Utara (SPU) di sini.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengumumkan tender terbuka selama dua bulan supaya syarikat pemaju yang berminat boleh bersama dalam merealisasikan projek misi rumah mampu milik rakyat tersebut.

"Jadi, kepada pemaju yang berminat bolehlah mengambil bahagian dalam tender terbuka selama dua bulan ini, (iaitu) bermula pada 2 September hingga 3 November (depan)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng merangkap Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, serta Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar turut menyertai sidang media tersebut.

Guan Eng, yang juga Ahli Parlimen Bagan berharap projek tersebut dapat menyediakan kemudahan perumahan yang lebih baik serta selesa untuk rakyat, memandangkan kira-kira 314 rumah setinggan dikenalpasti di sana, kini.

## Jamuan Teh hari lahir rai penerima pingat

**SELAMAT HARI LAHIR...** Majlis Jamuan Teh Peringkat Negeri Pulau Pinang bersempena sambutan Ulang Tahun Kelahiran Ke-76 Yang Dipertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diadakan bagi meraikan penerima-penerima pingat negeri di sini baru-baru ini.

Jamuan yang diadakan di perkarangan Seri Mutiara (kediaman rasmi TYT) dihadiri kira-kira 500 tetamu kehormat dari dalam dan juga negeri Pulau Pinang.

Selain pelbagai hidangan makanan lazat, para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan, lagu patriotik, nyanyian koir serta kugiran yang dihoskan penghibur terkenal kelahiran Pulau Pinang, Imuda.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew Ghek Cheng, barisan kepimpinan negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen.



**DR. Abdul Rahman Abbas (depan, kanan) berjabat tangan dengan para tetamu yang hadir pada Majlis Jamuan Teh Peringkat Negeri Pulau Pinang bersempena sambutan Ulang Tahun Kelahiran Ke-76 beliau di sini baru-baru ini.**



**ANTARA persembahan yang dipersembahkan.**

# Daftar program *Mission Home-Possible*, peluang cerah beli rumah idaman

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri berharap lebih ramai warga Pulau Pinang berpeluang memohon rumah idaman masing-masing melalui program jelajah Misi Rumah Mampu Milik di peringkat parlimen dan daerah, sekarang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, rancangan membina 22,575 unit rumah mampu milik secara berperingkat di 12 lokasi meliputi bahagian pulau dan Seberang Perai adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri hari ini.

"Fasa I projek Bandar Cassia (dekat Batu Kawan) merangkumi 149 unit rumah kos sederhana rendah dan 371 unit rumah mampu milik (keseluruhannya 520 unit) telahpun mula sejak tahun lepas lagi kerana ini antara '*Mission Home-Possible*' kita.

"Peluang untuk membeli rumah idaman lebih cerah sekiranya pemohon segera daftar (melalui program) '*Mission Home-Possible*' sekarang ini, kerana anda akan mengisi senarai teratas untuk dipertimbang oleh sebuah jawatankuasa bebas, iaitu SPEC (Jawatakuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan)," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Program Pemilikan Perumahan Mampu Milik "*Mission Home-Possible*" di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut berucap pada majlis jelajah itu.

Sebelum, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menjelaskan berhubung projek pemajuan di Teluk Kumbar, SP Chelliah, Fasa 4 Bandar Cassia dan Kampung Jawa merangkumi 1,633 rumah kos sederhana rendah (KSR) serta 2,381 rumah mampu milik (RMM) yang dijangka siap tahun depan.

Katanya, projek pemajuan lain di Jelutong, Pintasan Cecil, Sandiland, Fasa 7 Bandar Cassia, Ampang Jajar, Mak Mandin dan Bukit Mertajam merangkumi 250 rumah kos rendah (KR), 2,382 KSR dan 1,861 RMM, yang dijangka siap pada tahun 2015.

Tambah Guan Eng, projek pemajuan di Juru, Ujung Batu dan fasa lain dekat Bandar Cassia merangkumi 600 KR, 3,725 KSR dan 9,223 RMM pula dijangka bermula pada tahun 2016.

"Setakat ini, terdapat 24,399 pemohon melalui sistem di Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk jenis KR, 23,582 pemohon untuk jenis KSR dan 3,257 pemohon untuk perumahan jenis mampu milik," jelas Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat.

Sejak tahun 2008 hingga Mei lepas, difahamkan, sebanyak 12,471 KR telahpun dibina di kelima-lima daerah melalui 64 projek pemajuan.

Itu, tidak termasuk 7,608 KSR melalui 28 projek di semua daerah, dalam tempoh sama.



**SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir pada penganjuran Program Pemilikan Perumahan Mampu Milik "Mission Home-Possible" di sini baru-baru ini.**



# MoU langkah awal IKEA di P. Pinang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**



**ROSLI Jaafar (tiga dari kiri) berjabat tangan dengan M. Murly (kiri sekali) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan Christian Rojkjaer (dua dari kanan) selepas selesainya Majlis Menandatangani MoU Antara Aspen Vision Land Sdn. Bhd., Ikano dan PDC di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Aspen Group Holdings Sdn. Bhd. (Kumpulan Aspen) dan Ikano Pte. Ltd. (Ikano) iaitu sebuah syarikat francais IKEA di Malaysia baru-baru ini memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi melaksanakan pembangunan bersepadu *Aspen Vision City* bernilai RM8 bilion termasuk pembinaan gedung perabot IKEA di Bandar Cassia, Batu Kawan baru-baru ini di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk M. Murly berkata, pembangunan bercampur berkonsepkan eko-bandar tersebut akan merangkumi gedung IKEA yang pertama di rantau utara Malaysia, selain daripada pembangunan bercampur lainnya.

"Selepas hampir dua tahun melaksanakan kajian terperinci, kami percaya Batu Kawan adalah bandar masa depan dan pusat perniagaan buat Pulau Pinang.

"Dengan termeterainya perjanjian ini, Aspen dan Ikano dengan serta-merta boleh memulakan langkah awal membabitkan kajian impak, tinjauan pemasaran dan permintaan semasa sebelum kerja-kerja pembangunan dimulakan di tapak projek," ujarnya pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani MoU Antara Aspen Vision Land Sdn. Bhd., Ikano dan PDC di sini baru-baru ini.

Hadir menyaksikan pemeteraian tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Pengarah Urusan Ikano, Christian Rojkjaer dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Fasa pertama projek yang terdiri daripada gedung IKEA dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018.

Manakala, fasa kedua yang merangkumi komponen-komponen lain seperti bangunan komersial, kompleks pejabat, sekolah antarabangsa dan hotel dijangka mengambil masa sehingga 10 tahun untuk disiapkan sepenuhnya.

Guan Eng dalam pada itu berkata, dengan pembukaan IKEA di Batu Kawan dan pertama di wilayah utara akan menjadikan kawasan tersebut sebagai pemangkin utama aspirasi negeri ke arah sebuah bandar moden dan pintar masa depan.

"Pembukaan IKEA besar maknanya buat Pulau Pinang.

"Kita perlu wujudkan kelompok kreatif. IKEA adalah salah satu komponen kreatif yang mempunyai kriteria 3T iaitu bakat *(talent)*, teknologi (*technology)* dan tolak ansur *(tolerant)*.

"Kerana, IKEA lengkap dengan contoh kepimpinan dari segi produk, harga mahupun kualitinya," ujar beliau.

# Ulangtahun Kemerdekaan Ke-69 Indonesia penuh ciri budaya



**JAWATANKUASA penganjur memperagakan pakaian tradisional Republik Indonesia pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-69 di sini baru-baru ini.**

**ULANG TAHUN....** Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-69 Republik Indonesia yang diadakan di sini meriah dengan pengisian pelbagai program bercirikan budaya republik tersebut baru-baru ini.

Walaupun bukan di negara sendiri, kehadiran lebih 250 tetamu termasuk tetamu kehormat antaranya, konsulat-konsulat dari Jepun, Thailand dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memeriahkan majlis dianjurkan.

Mengetuai delegasi Kerajaan Negeri adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri. Menyambut kehadiran beliau adalah Konsul Jeneral Indonesia di Pulau Pinang, Ronald J. P. Manik.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri.

Majlis berkenaan dimulakan dengan dendangan lagu kebangsaan kedua-dua negara iaitu Indonesia Raya dan Negaraku.

Menyerikan majlis adalah persembahan tarian tradisional Republik Indonesia iaitu Kopeng Kelana dari Bandung dan Lenggong Patah.


**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

**KOD TENDER : PSUKPP / TENDER / 11 / 2014**

Tawaran adalah dipelawa kepada petender tempatan **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut: 221003 – Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran tender berikut:-

**PERKHIDMATAN MEREKABENTUK DAN MENCETAK BULETIN MUTIARA (JANUARI 2015 HINGGA DISEMBER 2016)**

2. Petender dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang berdaftar boleh memuat turun Dokumen Tender melalui laman web tersebut. **Dokumen tender boleh dibeli dengan harga RM50.00 secara online** dan dimuat turun melalui **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (http://ep.penang.gov.my)** mulai **15 September 2014 (Isnin).**

3. Semua petender yang berminat menyertai tender ini adalah diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada **23 September 2014 (Selasa), jam 10.00 pagi**, bertempat di **Bilik Mesyuarat Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 26, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.** Petender dikehendaki untuk membawa Sijil Asal Kementerian Kewangan berserta maklumat kod bidang yang berkaitan yang masih sah laku, Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan salinan resit rasmi pembelian dokumen tender tender melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang membawa dokumen-dokumen tersebut sahaja akan dibenarkan masuk untuk sesi taklimat.

4. Dokumen Tender yang lengkap diisi mestilah diserahkan bersama-sama maklumat-maklumat yang dikehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. tender serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/11/2014** yang ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang **sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 15 Oktober 2014 (Rabu).**

5. Tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantungkan tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.

**Y.B. Setiausaha Kerajaan**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan**
**Negeri Pulau Pinang**

# Henti buang sampah ke dalam sungai, seru Exco



**CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) bersama-sama wakil projek teknologi iQPR mencurahkan 'agen-agen' berkaitan ke dalam Sungai Pinang untuk merihabilitasi sungai dan meningkatkan kualiti air di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **NAZLEEN NAJEEB**

**GEORGE TOWN** – Sungai merupakan khazanah alam yang amat penting kepada manusia, justeru Kerajaan Negeri menyeru semua rakyat Pulau Pinang khususnya yang menetap di pinggir sungai supaya sentiasa menjaga kebersihan dan keindahannya di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif penyeragaman teknologi hijau menggunakan *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection* (iQPR) bagi memperbaiki kualiti air sungai di negeri ini.

"Walaupun Kerajaan Negeri komited untuk membersihkan sungai dan meningkatkan kualiti alam sekitar, kerjasama daripada semua pihak adalah penting untuk memastikan kejayaan yang berterusan.

"Hentikan pembuangan sampah sewenang-wenangnya ke dalam sungai, ubah tabiat tidak bertanggungjawab serta cintai sungai kita kerana ia (sungai) yang bersih dan 'sihat' dapat meningkatkan imej negeri," katanya ketika mengadakan lawatan ke Pusat Informasi Sungai Pinang bagi memantau kemajuan penggunaan teknologi iQPR setelah tiga bulan penggunaannya sejak 1 Jun lalu.

Kon Yeow memberitahu, teknologi iQPR merupakan salah satu projek perintis dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang di bawah program 'Satu Negeri, Satu Sungai' bersama STS Solutions Sdn. Bhd. untuk terus merawat sungai di Pulau Pinang.

"Jika kita lihat, air Sungai Pinang kini lebih bersih dengan Indeks Kualiti Air (*Water Quality Index* – WQI) bertambah baik dengan ketara, enapcemar hitam dan bau busuk juga dapat dihapuskan," jelasnya yang berpuas hati dengan hasil kualiti air kini.

Menurut laporan suku tahun pertama bagi Projek Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembersihan Sungai Pinang Melalui Teknologi iQPR di dua lokasi iaitu di Lorong Kulit dan Kampung Nelayan (jeti), Jelutong menunjukkan bacaan WQI yang memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, STS Solutions Sdn. Bhd. mensasarkan bacaan 65.00 mata dengan Kelas II berbanding bacaan terkini 75.71 mata di Lorong Kulit dan 71.00 mata di Kampung Nelayan (Kelas III).

Sebagai rujukan, kelas kualiti air Kelas I adalah yang terbaik, manakala Kelas V adalah yang terburuk. Kelas kualiti air tersebut ditentukan berdasarkan kepada WQI sama ada bersih, sedikit tercemar atau tercemar.

Selain Sungai Pinang, beberapa batang sungai lagi turut menggunakan teknologi iQPR, antaranya, Sungai Jelutong, Sungai Mati dan parit Kampung Jawa.

Teknologi iQPR menggunakan kaedah gelombang kuantum untuk memproses agen-agen iQPR daripada campuran larutan air mineral semulajadi. Agen-agen iQPR akan dicurahkan ke dalam sungai untuk menyerap jasad air dan tanah bagi tujuan merihabilitasi.

Teknologi hijau berkenaan tidak menggunakan bahan kimia atau biologi, tidak menambahkan bahan pencemaran sewaktu rawatan dan tidak memerlukan tenaga untuk mengimbangi ekosistem sungai.

## Guna *repellent* kurang risiko gigitan aedes – Exco Kesihatan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**MACHANG BUBUK** – Produk losyen penghalau nyamuk *(mosquito repellent)* yang diperkenalkan syarikat Fumakilla diharap turut menjadi alternatif kegunaan warga negeri ini dalam mengurangkan risiko dijangkiti wabak denggi, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

"Kegunaan losyen *repellent* adalah satu lagi kaedah untuk mengurangkan risiko digigit nyamuk aedes, yang boleh kita cuba amalkan," ujarnya pada Majlis Kempen Penggunaan Repellent Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, wakil Jabatan Kesihatan Negeri dan wakil korporat syarikat Fumakilla turut hadir pada majlis tersebut.

Afif yang juga ADUN Seberang Jaya berkata, Kerajaan Negeri akan menggunakan apa jua kaedah yang difikirkan berkesan demi memerangi wabak denggi di negeri ini.

Bercakap pada sidang media selepas itu, beliau turut memprotes tangkapan beramai-ramai anggota Pasukan Peronda Sukarela (PPS) pada Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri, 31 Ogos lepas.

"Kalau PPS yang ditubuhkan berdasarkan bidang kuasa Kerajaan Negeri pun dianggap tidak sah, jangan pula penubuhan COMBI *(Communication for Behavioural Impact)* yang ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri untuk mencegah penyakit zoonotik pun selepas ini, turut dilarang atas alasan tidak ditubuhkan di bawah ROS (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)," responsnya.

Direkodkan, demam denggi di negeri ini meningkat sebanyak 531 kes atau 174.7 peratus kepada 835 kes bagi tempoh Januari hingga 14 Jun lepas, berbanding 304 kes bagi tempoh sama tahun lepas.




**DR. Afif Bahardin (empat dari kanan), Lee Khai Loon (tiga dari kanan) bersama-sama pemimpin komuniti setempat menunjukkan produk *mosquito repellent* pada Majlis Kempen Penggunaan Repellent Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

## Tmn. Botani sangkal dakwaan penyelenggaraan teruk

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**MOHD. Azwa Shah (tengah) menunjukkan laporan artikel media cetak tempatan sambil ditemani Steward Henchie (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**KEBUN BUNGA** – Pengarah Taman Botani, Mohd. Azwa Shah Ahmad menyangkal dakwaan sebuah artikel media cetak tempatan berhubung laporan menyatakan masalah penyelenggaraan dan pengurusan Taman Botani yang teruk sehingga menyebabkan banyak kemudahan asas serta pelbagai tumbuhan eksotik di kawasan tersebut terabai baru-baru ini di sini.

Menurutnya, permasalahan kolam yang kotor di hadapan pintu masuk dan struktur bangunan serta papan tanda yang rosak telah diberikan perhatian sepenuhnya.

"Keadaan kolam yang didakwa kotor adalah berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab segelintir pengunjung yang sengaja melepaskan kura-kura dan memberi makan ikan-ikan di dalamnya.

"Perbuatan tersebut telah merosakkan pokok teratai dan sekaligus menggalakkan pertumbuhan alga di dalam kolam.

"Menyedari permasalahan tersebut, pihak Taman Botani telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di dua kolam, manakala, baki dua kolam lagi akan dibersihkan kemudian," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Konsultan Perunding Taman Botani, Steward Henchie.

Tambah Mohd. Azwa, bagi struktur bangunan serta papan tanda yang rosak merujuk kepada tandas lama yang hendak dirobohkan, sebagai makluman, tandas baru telah siap dibina di Taman Formal dan digunakan sejak Mei 2014.

"Pihak jabatan juga sedang dalam usaha menjalankan kerja-kerja menaiktaraf papan tanda maklumat di seluruh kawasan Taman Botani pada tahun ini secara berperingkat," ujar beliau.

Menurut Mohd. Azwa, sekitar RM1.5 juta disalurkan Kerajaan Negeri melalui Bajet Tahunan bagi tujuan menyelenggara Taman Botani yang memiliki keluasan kira-kira 72 ekar.

"Kita berhadapan dengan penyelenggaraan harian, di mana, kerja-kerja penyelenggaraan adalah melibatkan alam sekitar dan benda hidup, yang terdedah kepada faktor cuaca dan musim.

"Walau bagaimanapun, kita (Taman Botani) akan memperbanyakkan pemasangan papan tanda larangan, program di dalam taman bersama-sama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam," jelasnya ketika ditanya mengenai perancangan yang bakal dilakukan.

Menurut rekod, purata pengunjung yang mengunjungi Taman Botani sejak April lalu hingga kini mencecah 17,200 orang.

Difahamkan, peruntukan sebanyak RM7 juta yang disalurkan kepada Taman Botani dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) telah digunakan bagi membangunkan Pusat Pavilion Pelancongan, pembinaan '*facade*' baru pintu masuk utama Kebun Bunga termasuk Dataran Garden Mall, pembinaan *Eco-Stream Walk* dan pembangunan Bambusetum di *Coronation Camp*.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau aduan sila hubungi talian 04 – 226 4401 atau melalui borang maklum balas pautan laman sesawang, *http://botanicalgardens.penang.gov.my*.

# Parkir bertingkat Bkt. Bendera tangguh, jangka dibuka Feb. depan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**BUKIT BENDERA** – Pengurus Besar Penang Development Corporation Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC), Ir. Hartini Ali tampil menjelaskan bahawa kelewatan projek pembinaan parkir bertingkat Bukit Bendera adalah disebabkan faktor cuaca dan beberapa masalah teknikal.

Menurut Hartini yang juga Timbalan Ketua Pengurus II Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyatakan bahawa projek yang dilaksanakan sejak tahun 2012 itu berhadapan beberapa masalah di lokasi pembinaan sehingga menyebabkan ia gagal untuk disiapkan mengikut jadual.

"Antaranya, pengaruh cuaca yang tidak menentu, hujan dan juga beberapa perubahan reka bentuk bangunan semasa kerja menanam cerucuk *micropile* yang kemudiannya ditukar kepada *RC spun pile*.

"Buat masa sekarang, projek ini dipantau dengan teliti setiap hari dan kami (PDCC) menjangkakan projek itu akan siap sepenuhnya pada akhir Oktober ini serta akan dibuka untuk kegunaan orang ramai menjelang Tahun Baru Cina atau bulan Februari tahun hadapan.

"Sekiranya projek tersebut masih gagal untuk disiapkan, pihak kami (PDCC) akan mengenakan denda sebanyak RM5,000 sehari kepada kontraktor bertanggungjawab dan jika masih gagal, kami (PDCC) mempunyai hak untuk menukar kontraktor," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah PDCC merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Ketua Pegawai Operasi PDCC, Tan Choon Jin dan Ketua Jurutera, Ir. Ismail Ishak.

Lanjutan dari kelewatan perjalanan projek, Ismail ketika diajukan pertanyaan berkata, pihaknya telah mengenakan kelulusan lanjutan masa atau *extension of time* (EOT) sebanyak dua kali sebelum ini iaitu pada 31 Mei dan 25 September lalu.

"Sehingga kini, kerja-kerja pembinaan telah siap 75 peratus berdasarkan perancangan kemajuan kerja pembinaan, CPM (*Critical Path Method*) yang disediakan oleh kontraktor.

"Selepas siap, tempoh tiga bulan diperlukan untuk mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan atau CCC (*Certificate of Completion and Compliance*)," jelas beliau.



**IR. Hartini Ali (dua dari kanan) menunjukkan beberapa dokumen berkaitan sambil diperhatikan Soon Lip Chee (kanan sekali) pada sidang media menjelaskan status pembinaan parkir bertingkat Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

Projek kontroversi dibiayai Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pelancongan mula dibina pada 2011 dengan kos permulaan RM5 juta tetapi dirobohkan dan dibina semula dengan kos pembinaan sehingga RM11 juta.

# Pemaju pohon tempoh 3 bulan ambil tindakan wajar bangunan warisan - Exco



**KEADAAN bangunan warisan di atas Lot 132 & 133, Sek. 14, Daerah Timur Laut di sini kini.**



Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pemaju berkaitan melalui suratnya kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini memohon tempoh sekitar tiga bulan bagi mengambil tindakan sewajarnya ke atas bangunan warisan dan bangunan-bangunan di atas tapak premis No. 40, Jalan Sultan Ahmad Shah, di atas Lot 132 & 133, Sek. 14, Daerah Timur Laut di sini.

Respon tersebut diberikan setelah MPPP mengeluarkan notis kacauganggu kepada pemunya tanah/bangunan agar melindungi bangunan warisan kategori dua tersebut daripada terus rosak.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, berdasarkan surat yang dikemukakan, pemunya bangunan/tanah telah mengambil perhatian berhubung keadaan semasa bangunan warisan tersebut dan pihaknya sedang mengambil tindakan bagi menyelaraskan projek pembangunan baru di atas tapak tersebut.

"Mereka (pemaju berkaitan) telah mengemukakan permohonan memasang pagar keselamatan dalam tempoh satu hingga tiga bulan.

"Bersetuju membersihkan kawasan tapak dalam tempoh dua minggu dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas bangunan warisan dan bangunan-bangunan lain di atas tapak yang menimbulkan kesan buruk dan kacauganggu itu," ujarnya pada sidang media khas bagi mengulas lanjut isu bangunan berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Warisan MPPP, Noorhanis Noordin.

Bangunan warisan di tapak tersebut dahulunya merupakan Markas 2 Division, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum ia ditinggalkan terbiar.

Melalui pemeriksaan tapak yang dijalankan MPPP pada Ogos lalu, didapati bangunan tiga tingkat bersenibinakan *Neo Classical* berusia hampir 100 tahun tersebut berada dalam keadaan yang amat usang, tidak dihuni dan terbiar dengan struktur kemasan bangunan telah tertanggal.

Menurut Kon Yeow, semakan susulan di tapak oleh MPPP mendapati kerja-kerja tersebut masih belum dijalankan pihak pemaju.

"Mengikut prosedur, sekiranya keadaan sesuatu bangunan usang itu berterusan, tindakan perundangan yang seterusnya boleh diambil dengan mengadakan sesi siasatan (*inquiry*) di Mesyuarat Majlis sebelum notis selanjutnya dikeluarkan.

"Kita (Majlis) berharap mereka memenuhi janji sepertimana surat yang diberikan sebelum mengemukakan apa-apa pelan pembangunan," ujar beliau.

# Moi Chen harap JPN lulus permohonan kerakyatan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **G. REVATIC**



**PROF. Dr. P. Ramasamy memerhatikan sijil kelahiran Yong Moi Chen pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy mencadangkan beberapa perkara munasabah bagi membela nasib golongan tidak memiliki dokumen pengenalan diri atau orang tanpa kerakyatan di sini.

Perkara tersebut dinyatakan beliau pada sidang media membabitkan pembelaan terhadap 298 individu (jumlah kes direkod sehingga Jun 2013) yang masih gagal mendapatkan kad pengenalan biru.

"Antara cadangan yang ingin saya ketengahkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) termasuklah pemastautin yang berusia 50 tahun dan ke atas adalah perlu dikecualikan dalam ujian penulisan Bahasa Malaysia ekoran rata-rata daripada mereka tidak mengikuti pendidikan tinggi.

"Selain itu, pemohon-pemohon berusia 50 tahun yang memiliki anak berstatus warganegara adalah layak memperoleh status sama secara automatik," tegasnya di sini baru-baru ini.

Sebagai inisiatif khas dalam menyelesaikan masalah kerakyatan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri pada Februari 2013 telah menubuhkan Jawatankuasa Pembantu Kewarganegaraan dengan melantik lima Pembantu Kewarganegaraan yang ditempatkan di setiap daerah.

Tambah Ramasamy, sebelum ini terdapat kes-kes individu yang mana mereka berjaya memperoleh taraf kewarganegaraan hanya selepas kes masing-masing disiarkan di akhbar.

"Justeru, saya juga bercadang menyiarkan kes-kes sedemikian di dalam akhbar dengan melantik seorang peguam bagi memfail dan membicarakan kes-kes yang layak di mahkamah kelak," jelas beliau.

Menurutnya, antara masalah yang sering dihadapi para pemohon adalah birokrasi serta ketidakpastian dalam mencari waris berkaitan serta kes meniggal dunia.

Salah seorang pemohon taraf kewarganegaraan dan tidak berjaya, Yong Moi Chen, 21, berkata, beliau menghadapi masalah permohonan kerakyatan kerana ibunya berasal dari Filipina, walaupun bapanya adalah dari Pulau Pinang.

"Buat masa sekarang, saya hanya mempunyai surat beranak sahaja.

"Adalah sukar untuk mencari ibu kandung saya kerana beliau telah pulang ke negara asal. Tambahan pula, saya tidak dibenarkan untuk membuat pasport.

"Perkara ini benar-benar menyusahkan saya, kerana saya juga tidak mampu memohon lesen kenderaan, kad bank dan susah untuk mendapat pekerjaan juga," ujarnya yang pernah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Xavier di sini.

Jesteru, Moi Chen amat berharap permohonan beliau dapat diluluskan pihak JPN memandangkan terdapat undang-undang kerakyatan negara yang membenarkan zuriat yang dilahirkan di Malaysia oleh ayah yang mempunyai taraf warganegara Malaysia untuk layak mendapat hak sama.

# Pusat tidak pernah ambil iktibar insiden soalan periksa bocor – KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **MARK JAMES**

**PADANG KOTA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membidas Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kerajaan Pusat yang tidak pernah mengambil iktibar ekoran insiden kebocoran soalan peperiksaan yang kerap kali berlaku saban tahun.

Beliau melahirkan kekesalan kerana, secara tidak langsung kejadian terbabit menyusahkan para pelajar tahun enam yang menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sehingga golongan berkaitan terpaksa menduduki ujian yang sama pada kali kedua.

"Jikalau Kerajaan Pusat menggunakan peruntukan masa menghukum orang yang terlibat seperti mana peruntukan masa diambil untuk menangkap pemimpin Pakatan Rakyat (PR) di bawah Akta Hasutan 1948, sudah tentu perkara seperti ini tidak akan berulang berkali-kali.

"Ini bukan kali pertama terjadi, perkara seperti ini sudah terjadi hampir 20 tahun dan sebelum ini peperiksaan lain seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) turut menerima masalah sama iaitu kebocoran soalan lebih awal," ulasnya pada Majlis Pelancaran Aplikasi MyTeksi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Melalui pendekatan *MyTeksi,* seseorang hanya perlu memuat turun aplikasi berkaitan dan memaklumkan lokasi sebenar ketika memerlukan perkhidmatan teksi dan harga tambang turut dipamerkan sebelum pengesahan perkhidmatan. Dalam tempoh masa kurang daripada lima minit, teksi yang berdaftar dengan dengan Syarikat MyTeksi Sdn. Bhd. akan tiba di lokasi dinyatakan.



**AKSI tiga pemandu teksi pemandu teksi ketika menyempurnakan gimik pelancaran Aplikasi MyTeksi di sini baru-baru ini.**

Tambah Guan Eng, kebocoran di Malaysia tidak terhad kepada soalan peperiksaan semata-mata, bahkan projek-projek kerajaan juga bocor.

"Sebelum ini, bumbung Parlimen yang dibaiki banyak kali juga turut pernah bocor.

"Oleh itu, saya seru kepada Kerajaan Pusat supaya tanganilah masalah-masalah sebegini dengan baik kerana hal sedemikian boleh menjatuhkan martabat negara," ujarnya.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan menyatakan sokongannya terhadap mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung satu kenyataannya yang mengkritik syarikat pelaburan milik Kerajaan Pusat, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang mencatatkan peningkatan hutang yang ketara dalam tempoh masa lima tahun ditubuhkan.

"Saya menyokong kritikan beliau (Mahathir), kerana secara jelas 1MDB kini telah berhutang sebanyak RM38 bilion dan adakah lama-kelamaan negara kita akan dibelenggu hutang keliling pinggang?

"Di sini juga kita lihat seperti macam ada budaya hutang, contohnya, hutang negara pada tahun 2007 sekitar RM266 bilion dan selepas tujuh tahun, ianya melonjak sekali ganda sebanyak RM542 bilion.

"Berbeza dengan Kerajaan Negeri yang hanya akan menggunakan dana dari lebihan untuk sesuatu projek dan kita (Kerajaan Negeri) berjaya mengurangkan hutang negeri dari RM600 juta kepada RM30 juta ketika mengambilalih dari kerajaan Barisan Nasional (BN)," jelasnya.

## KN komited kurang kadar kemalangan jalan raya

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


**LIM Hock Seng (duduk, lima dari kiri) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa dan para peserta Bengkel Implementasi Strategi Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang di sini baru-baru ini**

**TANJUNG BUNGAH** - Bagi mewujudkan ekosistem yang mementingkan keselamatan jalan raya, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Implementasi Strategi Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang kali kedua di sini baru-baru ini.

Penganjuran oleh Unit Pengurusan Lalu Lintas, Bahagian Kerajaan Tempatan itu bertujuan mendapatkan idea-idea baru yang boleh diimplementasikan bagi mengurangkan indeks kematian jalan raya di negeri ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta Api), Lim Hock Seng semasa merasmikan upacara penutupan bengkel itu berkata, bengkel tersebut merupakan lanjutan daripada bengkel pertama yang diadakan April lalu.

"Pada bengkel pertama sebelum ini, peserta terlibat telah mengenalpasti semua masalah berkaitan keselamatan jalan raya yang dipercayai kritikal di Pulau Pinang.

"Daripada perbincangan dan diskusi ketika penganjuran bengkel pertama, kesemua peserta telah bersetuju untuk memberi tumpuan terhadap empat komponen utama iaitu sumber data kemalangan, perubahan sikap, jalan raya yang selamat dan motosikal selamat," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin.

Tambah Hock Seng, para peserta yang terlibat adalah membabitkan beberapa agensi secara langsung dengan keselamatan jalan raya seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan PLUS Malaysia Berhad (PLUS).

"Penglibatan agensi-agensi ini sekaligus dapat memperincikan kaedah pelaksanaan berserta kos terlibat dan siapa yang akan menjadi penggerak kepada setiap aktiviti dibincangkan.

"Ini secara tidak langsung dapat melicinkan implementasi komponen-komponen yang telah dikenalpasti pada masa akan datang," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan bahawa para peserta bersetuju menjalankan kajian perintis di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Pulau Tikus, DUN Penanti dan DUN Berapit.

"Hasil kajian berkaitan pengumpulan data kemalangan jalan raya di tiga DUN ini akan dibentangkan dan mencari kaedah penyelesaian terhadap punca serta kesan kemalangan tersebut yang kemudian bakal disalurkan kepada agensi terlibat untuk tindakan pembetulan dan pemantauan," ujarnya.

## Cadang jalan alternatif selesai isu kenderaan berat jalan Tmn. Inderawasih


**ANTARA lori-lori yang menggunakan laluan Taman Inderawasih kini.**

**PERAI** - Isu kenderaan berat menggunakan jalan Taman Inderawasih hingga membahayakan komuniti setempat khususnya murid yang bersekolah di sini akhirnya dirujuk kepada Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai meminta syor membina satu jalan alternatif di persisiran pantai dan pintasan ke Kawasan Perindustrian Perai dekat kilang Malayawata Steel Berhad dipertimbang semua pihak pemilik lori kontena yang menggunakan laluan sedia ada di sini.

"Sebelum apa-apa yang tidak diingini berlaku di jalan ini (Taman Inderawasih), elok semua pihak dipanggil berbincang sekarang.

"Pengadang kenderaan berat akan dipasang di jalan masuk dan keluar Taman Inderawasih supaya tiada lagi lori kontena boleh menggunakan jalan ini pada waktu yang tidak dibenarkan, seperti masa pelajar pergi dan pulang dari sekolah-sekolah sekitar kawasan.

"Dalam tempoh tiga bulan ini, saya berharap konsultan yang akan dilantik dapat mengemukakan hasil kajian mereka supaya jalan di sini (Taman Inderawasih) tidak lagi berbahaya untuk penduduk setempat," jelas Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi, baru-baru ini.

Dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees serta Mohamad Hazrul Hassan (Penolong Pengarah di Jabatan Kejuruteraan MPSP) turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Hadir sama, Pengurus KTM Butterworth, Ahmad Hishammuddin Mohd. Rashid, K. Gopal (Penolong Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah bagi Jabatan Kerja Raya, JKR) dan Mohd. Fairuz Abdul Wahab (Penolong Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah bagi Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS).

Difahamkan, hampir 100 lori kontena milik syarikat perusahaan dan pengangkutan menggunakan jalan Taman Inderawasih ke satu depo sementara di sini, kini.

# Kaji semula kontrak persekutuan

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**DI** saat Persekutuan Malaysia meraikan ulangtahun ke-51 ini, adalah sesuai kita merenungkan sistem tadbir urus negara kita dan bagaimana sistem ini telah membolehkan kita mencapai tahap kejayaan yang dinikmati pada hari ini, dan pada masa yang sama juga menghalang kita daripada merealisasikan potensi yang lebih besar.

Negara kita pada namanya mengamalkan sistem persekutuan, iaitu struktur politik yang secara lazimnya terdiri daripada negeri-negeri bersekutu yang disatukan di bawah payung kerajaan pusat. Contoh-contoh negara bersekutu yang lain adalah Amerika Syarikat, Australia, Jerman dan India. Dalam negara-negara tersebut, kerajaan negeri mempunyai kuasa autonomi dalam kebanyakan bidang yang melibatkan kehidupan seharian, manakala kerajaan pusat biasanya bertanggungjawab ke atas hal ehwal kenegaraan, perhubungan antarabangsa dan keselamatan luar negeri. Perkongsian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam sistem persekutuan adalah ditentukan oleh perlembagaan dan tidak boleh ditukar dengan sewenang-wenangnya oleh kerajaan pusat.

Namun begitu, secara realitinya, sistem perundangan, pentadbiran dan fiskal di negara kita tidak mirip langsung dengan negara-negara persekutuan yang lain. Tadbir urus negara kita dalam kebanyakan bidang adalah sangat terpusat, jika tidak lebih terpusat daripada negara-negara kesatuan (unitary). Malah, kemungkinan besar Malaysia merupakan antara negara persekutuan yang paling terpusat di dunia. Contoh paling jelas pemusatan kuasa yang berlebihan di negara kita ini adalah hakikat bahawa perbelanjaan Kerajaan Persekutuan merangkumi lebih daripada 90 peratus daripada semua perbelanjaan kerajaan setiap tahun.

Saya juga pasti bahawa amat sukar untuk mencari sebuah lagi negara persekutuan di mana pengangkutan awam secara keseluruhannya, meskipun di kawasan terpencil, diuruskan sepenuhnya oleh agensi pusat di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Malah, senario ini adalah sama bagi kebanyakan bidang tadbir urus yang biasanya dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan, seperti perumahan awam, pengurusan sisa pepejal, utiliti, kebajikan sosial dan juga pendidikan.

Walaupun jelas bahawa pemusatan berlebihan boleh menjadi punca kepada ketidakcekapan dalam bidang-bidang tertentu, sistem terpusat ada juga manfaatnya. Biasanya, kawalan terpusat ke atas perancangan pembangunan akan memperlihatkan keseimbangan wilayah. Malangnya, Kerajaan Persekutuan tampaknya terlalu taksub dengan konsep pemusatan sehingga pembangunan ekonomi dan infrastruktur menjadi eksklusif tertumpu di Lembah Klang. Hasilnya, banyak bandar-bandar lain yang sebelum ini dinamik seperti Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru telah ketinggalan daripada kemajuan.

Dalam konteks ini, adalah menakjubkan bahawa Pulau Pinang dapat mencapai kejayaan selama ini meskipun dihalang oleh struktur yang sangat terpusat ini. Cuba bayangkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang beroperasi dengan belanjawan yang lebih kecil daripada perbelanjaan operasi tahunan Universiti Sains Malaysia. Bagi negeri yang menyumbang separuh daripada eksport elektrik dan elektronik Malaysia, satu pertiga daripada eksport pembuatan, dua pertiga daripada pelancongan perubatan dan hampir satu persepuluh daripada KDNK negara, adalah satu skandal besar bahawa Kerajaan Negeri yang dipilih secara demokrasi hanya mampu membelanjakan kurang daripada setengah peratus (0.05%) daripada belanjawan negara.



ZAIRIL Khir Johari berjabat tangan selepas menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Lebih teruk lagi apabila kita nasib negeri-negeri yang kaya dengan sumber asli seperti Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu. Negeri-negeri ini telah dinafikan pembangunan yang setimpal dengan wilayah-wilayah lain dan kini mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi di negara, walaupun menjadi penyumbang besar hasil negara melalui pengeluaran minyak dan gas.

Maka, atas sebab-sebab ini, Penang Institute senantiasa menggalakkan perbincangan ke arah desentralisasi atau pengagihan kuasa pusat demi membentuk persekutuan yang sebenar. Kami percaya bahawa kuasa tadbir urus yang diagihkan dengan baik mampu memakmurkan demokrasi yang lebih bermakna, menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi serta memupuk pembangunan yang lebih saksama dari segi sosial.

Justeru, satu kajian semula kontrak persekutuan negara kita amat diperlukan, khususnya dalam persekitaran pasca-2008, di mana adalah jelas bahawa pemusatan berlebihan pentadbiran adalah tidak sesuai dengan demokrasi abad ke-21 yang lebih matang dan rencam serta kebertanggungjawaban dan kecekapan yang diingini oleh rakyat Malaysia.

Oleh itu, Penang Institute telah mengambil kesempatan ini untuk menganjurkan sebuah persidangan pada 15-16 September 2014 dengan tajuk “Persekutuan di Malaysia: Reka Bentuk dan Amalan.” Persidangan ini adalah usaha untuk mengetengahkan pendapat daripada 17 tokoh pemikir dan pakar dalam isu desentralisasi, bagi memperhalusi dua tema yang luas, iaitu desentralisasi dalam domain fungsi terpilih serta hubungan antara kerajaan. Output akhir projek ini pula akan diterbitkan sebagai sebuah buku dengan kerjasama Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS) di Singapura.



ZAIRIL Khir Johari (depan, kanan sekali) beramah-mesra dengan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (depan, tengah) yang dijemput khas ke Persidangan “Persekutuan di Malaysia: Reka Bentuk dan Amalan” baru-baru ini. Turut hadir adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>afana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Okt. 2014




22hb Oktober
***Hari Deepavali***

25hb Oktober
***Awal Muharam***




**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256






SEORANG bapa menunjukkan tanda bagus selepas anaknya, Nurul Syahida Osman yang bakal melanjutkan pelajaran dalam jurusan Diploma Kejuruteraan di UiTM Permatang Pauh menerima sumbangan RM1,000 daripada Kerajaan Negeri.



AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (barisan belakang, berkaca mata) merakam gambar bersama-sama para peserta Pertandingan Mewarna Tanglung.



PERSEMBAHAN tarian tradisional negeri Sarawak pada sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2014.



SEBAHAGIAN pengunjung di Program Roadshow Mission Home Possible Parlimen Bagan.




SEKUMPULAN pelajar memberikan *pose* menarik ketika hadir memeriahkan penganjuran Karnival XOX Hijau Antarabangsa Pulau Pinang 2014.






TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para pengunjung yang hadir pada program Hari Keluarga KADUN Pulau Betong 2014.







AKSI para penumpang dan anak-anak kapal *Firefly* sempena *Launching Firefly's Inaugural Flight Between Penang and Krabi.*



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai *Campaign Against Domestic Violence Seminar* anjuran sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

# Partisipasi wanita dalam arena kerja bermula di rumah

Oleh: **YASMIN BATHAMANATHAN, PEGAWAI KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN LUAR, PWDC**

**PADA** 13 September, Perbadanan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama EXCO Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menganjurkan edisi ketiga dalam siri forum Lean In @ Penang di Hotel Sunway, Seberang Jaya.

Forum ini yang dikendalikan dalam Bahasa Mandarin dihadiri oleh 55 orang peserta yang terdiri daripada semua peringkat umur dan pelbagai latar belakang termasuk 13 orang peserta lelaki.

Siri forum *Lean In @ Penang* adalah berdasarkan buku bertajuk Lean In: *Women, Work, and the Will to Lead* yang ditulis oleh Ketua Pegawai Operasi *Facebook* Sheryl Sandberg.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam forum ini adalah dua sesi perkongsian pengalaman. Sesi pertama melihat para peserta berkongsi pengalaman mereka dan kerumitan yang mereka mengalami sebagai wanita dalam arena kerja.

Sesi kedua melihat para peserta mendiskusi langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah dan diskriminasi yang diidentifikasi dalam sesi pertama.

Dalam ucapan beliau, EXCO Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Chong Eng menyentuh topik kesulitan dan diskriminasi yang dihadapi oleh wanita dalam kehidupan mereka.



CHONG Eng bersama peserta *Lean IN @ Penang.*



CHONG Eng bersama peserta *Lean IN @ Penang.*

"Masyarakat kita berpegang kepada idea bahawa perkahwinan adalah sesuatu yang bermanfaat untuk wanita. Tetapi dalam realiti, ini adalah tidak benar. Perkahwinan bukanlah suatu bonus untuk wanita.

"Jikalau kita lihat dari sudut kerja, selepas berkahwin seorang isteri mempunyai lebih banyak kerja daripada masa sebelum perkahwinannya. Sekarang dia bukan sahaja mencuci pakaian sendiri tetapi juga pakaian suaminya. Jika dia mempunyai anak, pakaian anak-anaknya juga si ibu yang mencuci.

"Malah bukan sahaja dia perlu lakukan basuhan, dia juga perlu melipat dan mengemas pakaian ahli keluarganya. Ini adalah hanya sebahagian daripada pelbagai kerja rumah yang diharapkan daripada seorang wanita," kata beliau.

Selain menjaga keluarga, satu lagi faktor yang menjadi halangan bagi wanita daripada meneruskan kerjaya mereka adalah pada masa ini, sistem pekerjaan kita tidak menggalakkan wanita menceburi kerjaya-kerjaya tertentu semata-mata jantina mereka bukan lelaki. Fenomena ini dipanggil diskriminasi gender.

Bagi menangani masalah ini, Chong Eng mengaku bahawa pihak kerajaan perlu memainkan peranan dalam memastikan wanita boleh berpartisipasi dalam arena kerja khususnya dengan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan wanita untuk terus menyertai tenaga kerja.

Di peringkat keluarga perubahan perlu berlaku bagi menggalak dan membantu wanita berkerja.

"Untuk mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan, suami perlu bekerjasama dan membantu isteri di rumah supaya isteri akan mempunyai sumber masa dan tenaga untuk berkerjaya,"ujar Chong Eng.

# Menjejaki progres projek perintis GRPB di Kampung Sungai Chenaam

Oleh: **YASMIN BATHAMANATHAN, PEGAWAI KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN LUAR, PWDC**

**SALAH** satu projek yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah Projek Perintis Bajet Responsif Gender & Partisipatori (GRPB).

Projek ini merupakan sebuah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pulau Pinang iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

GRPB bertujuan untuk mengeratkan dan merubah komunikasi dua hala antara pihak kerajaan tempatan dan komuniti setempat serta menggalakkan penduduk untuk berpartisipasi secara aktif dalam proses perancangan dan pembuatan keputusan.

Beberapa buah sekolah kini turut bergiat aktif dalam sukan tersebut antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul, SMK Penang Free, SMK Hamid Khan, SMK Methodist Lelaki dan Perempuan, SMK Sungai Nibong, SMJK Chung Ling, Convent Green Lane, *St. Xavier Institution* dan lain-lain.

Pada temasya Sukan SEA Ke-28, 2015 di Singapura, Floorball dikhabarkan turut akan dipertandingkan.




**AHLI-ahli pasukan Wanita Pulau Pinang menunjukkan medal dimenangi dalam Kejohanan Piala Merdeka Floorball di sini baru-baru ini.**

## Exco seru semua program ambil kira penglibatan OKU

Teks & Gambar: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN–** Kerajaan Negeri melalui portfolio Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti menyeru semua pihak agar program-program kemasyarakatan yang dianjurkan di negeri ini turut mengambil kira penglibatan orang kurang upaya (OKU) secara langsung.

Exconya, Chong Eng berkata, seruan tersebut adalah sejajar dengan Paradigma Pulau Pinang yang mementingkan keterangkuman sosial *(social inclusiveness)* dalam semua aspek termasuk aktiviti sukan dan riadah.

"Kita ingin semua warga Pulau Pinang turut membantu menjadikan negeri tersayang ini sebagai sebuah negeri yang berjaya memastikan OKU tidak dipinggirkan dan mendapat peluang serta ruang yang adil dan saksama," katanya ketika berucap pada penutupan acara *Delta Eco Night Run 2014* dekat Taman Perbandaran sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan DELTA Business Solutions Sdn. Bhd. (Delta), Choo Eng Hin, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Chin Miin Mee dan Gabenor Daerah 308 B2 *Lions Club of George Town*, Ooi Chao Syhuan.

Delta merupakan syarikat yang menyediakan kelengkapan pejabat.

Dalam pada itu, Chong Eng turut mengajak warga Pulau Pinang untuk sama-sama menjayakan beberapa lagi aktiviti sukan massa yang dianjurkan untuk tujuan amal seperti, *Cycle for Hearts 2014* pada 28 September di Lebuh Pantai, *Walk for Life* (13 November 2014) dan *Lets Walk, Run and Zumba for Charity 2014* (7 Disember 2014) di Padang Kota Lama di sini.




**DUA peserta menunjukkan medal yang dimenangi bersempena penganjuran *Delta Eco Night Run 2014* di sini baru-baru ini.**

"Marilah kita sama-sama berganding bahu membentuk masyarakat lebih penyayang melalui aktiviti kesukanan dan riadah yang bukan sahaja menyihatkan badan, tetapi mencerdaskan minda," ujar beliau yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang cabutan bertuah.

Seramai 1,500 individu mengambil bahagian dalam acara anjuran Delta dengan kerjasama *Lions Club*, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Persatuan Atlet Amatur Pulau Pinang (PAAA).

Difahamkan, *Delta Eco Night Run 2014* atau dikenali juga dengan *A Human Firefly Night Run* merupakan satu-satunya aktiviti sukan dan riadah yang diadakan pada waktu malam dan merupakan '*signature event*' bagi Delta.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Bidang ternakan mampu jana keuntungan – Md. Zain

**BERMULA** dengan dua ekor lembu yang diternak bagi mengisi masa lapang, kini, Md. Zain Salleh, 66, merupakan pemilik kepada 16 ekor haiwan ternakan berkenaan di Kampung Tok Bedu, Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara (SPU).

Beliau yang agak pemalu orangnya menyatakan bahawa cabaran dalam bidang tersebut adalah faktor penyakit.

"Walaupun lembu lebih lasak daripada kambing, jika tidak dijaga, ia akan diserang penyakit jua.

"Kebersihan kandang adalah perlu dijaga. Di sini, kandang dibersihkan dua kali sehari. Malah, lembu-lembu juga dimandikan sekali sehari iaitu pada waktu petang.

"Selain takut bau, ia juga bagi mengelak merebaknya penyakit kuku dan mulut," katanya kepada skuad jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, selain faktor kesihatan, cabaran dalam bidang ternakan lembu adalah bagi memastikan binatang jinak tersebut tidak memasuki kawasan bendang atau padi orang lain.

"Lembu elok dilepaskan bebas. Namun, perlu dijaga dan dipantau. Masuk padi orang lain, orang marah.

"Pada waktu malam pula, kena datang tengok sebab banyak kes curi lembu guna sumpit pelali. Seekor lembu dilarikan, maka RM2,000 akan hilang," keluh Md. Zain yang pernah mengalami nasib sedemikian.

Berkongsi dengan lebih lanjut, beliau yang sebelum ini merupakan bekas kakitangan Jabatan Kerja Raya tidak menafikan bahawa bidang ternakan kurang diminati golongan muda kini.



MD. Zain Salleh.



LEMBU-lembu ternakan dimandikan pada waktu petang.

Merujuk kepada anaknya sendiri, Md. Zain yang dikurniakan lima cahaya mata bagaimanapun terpaksa mengharapkan anak saudaranya untuk menjaga lembu-lembu ternakannya sekiranya beliau melancong ke luar negeri atau negara.

"Anak-anak dok luar, tak minat. Kalau tak larat, anak saudara yang tinggal berdekatan akan ambil alih.

"Anak muda kini anggap kerja (bidang ternakan) adalah kotor. Dia orang tak nampak keuntungan yang mampu dijana daripada bidang ini.

"Saya amat galakkan anak-anak muda menceburi bidang ini kerana ia mampu jana keuntungan, tambahan pula, jika ada modal besar," ulasnya sambil tersenyum.



SEBAHAGIAN lembu ternakan baka tempatan yang dibela.



LEMBU-lembu ternakan diberi makan dua kali setiap hari.

Menurut beliau, permintaan terhadap bekalan daging adalah amat tinggi. Bekalan sedia ada adalah tidak mencukupi terutamanya menjelang musim perayaan.

Bagi Md. Zain, lembu tempatan iaitu baka dari Kedah dan Kelantan adalah lebih enak dagingnya. Ia kurang lemak dan bersaiz sederhana.

"Saiz paling besar bagi lembu baka tempatan adalah seberat 150 kilogram.

"Pemakanan merupakan faktor penting bagi menentukan tumbesaran seseekor lembu. Rahsia lembu dapat membesar dengan lebih cepat adalah perlunya sumber pemakanan protein yang mencukupi.

"Protein seperti hampas soya, batang jagung merupakan antara pemakanan yang mempengaruhi daging lembu dan saiz yang mana lembu nampak gemuk, tetapi ia kurang lemak," jelas beliau yang meminati bidang ternakan sejak kecil.

Tidak dinafikan, minat yang disemai adalah hasil pengaruh orang tuanya.

"Sejak kecil, orang tua dah bela binatang. Memang menjadi rutin harian saya untuk 'halau' lembu-lembu dibela ayah untuk makan rumput di padang dan kemudian 'halau' balik kandang pada waktu petang.

"Ada sekali pada musim hujan, semasa 'halau' lembu-lembu balik, saya jatuh dalam bendang dan jumpa ular.

"Pacat, cari rumput memang perkara biasa dan menjadi rutin. Lama-lama, dah jadi minat pula," selorohnya yang merupakan anak keenam daripada tujuh beradik.

Kini, Md. Zain bersyukur minatnya dalam bidang ternakan mampu menjana pendapatan bagi beliau selepas pencen daripada perkhidmatan.

"Dari duk saje-saje, dapatlah sikit-sikit. Duk rumah saje, sakit badan. Orang tua-tua memang macam tuh.

"Nak buat besar-besaran, tak cukup modal," seloroh beliau mengakhiri sesi temuramah berkenaan.

**INFO :**
**012 – 443 9632**

# Muhammad Suhail, pendebat terbaik anak jati P. Pinang

**PENDEBAT** terbaik Pertandingan Debat Antara Sekolah-Sekolah Malaysia 2014 yang dimuat naik di laman *youtube* lebih sebulan lalu rupa-rupanya adalah anak jati Pulau Pinang.

Muhammad Suhail Rosidi, 17, adalah juara pertandingan debat terbuka anjuran bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), yang disertai barisan pendebat terbaik daripada sekolah asrama penuh, sekolah swasta, sekolah agama dan sekolah harian.

Menjejaki kejayaan itu, Muhammad Suhail semasa ditemui melahirkan rasa syukur kepada Ilahi atas kejayaan yang tidak disangka-sangkanya.

"Syukur, Alhamdulillah. Tak sangka, kali pertama sertai pertandingan terbuka itu, pasukan kami dipilih sebagai johan.

"Dipilih sebagai pendebat terbaik pun sebenarnya tidak disangka-sangka, berasa sangat bersyukur," ujar Muhammad Suhail semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Muhammad Suhail merupakan anak sulung dan mempunyai seorang adik perempuan, yang muda setahun daripadanya.

Ayahnya, Ustaz Rosidi Hussain, pendakwah bebas, juga pengamal undang-undang serta masih ditaklif sebagai Ahli Majlis bagi Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Muhammad Suhail menerima pendidikan awal di pra sekolah Sekolah Tahfiz Al-Islah dekat Tasek Gelugor yang tidak jauh dari rumahnya di Taman Bertam, Kepala Batas.

Beliau kemudiannya menuntut di Sekolah Al-Islah dekat Pinang Tunggal, Kedah, pada peringkat rendah dan menengah.

"Kalau ada masa, saya akan menemani ayah berkuliah.

"Dari situ, saya mulai minat ilmu keagamaan serta aktiviti dakwah," ujarnya.

Di Sekolah Menengah Al-Islah, Muhammad Suhail dikenali sebagai salah seorang pelajar yang gigih serta aktif dalam ko-kurikulum.

Karismanya dalam memimpin serta berpidato paling menyerlah hingga mencuri perhatian guru-guru yang mendidik beliau.

"Saya sekolah swasta yang aktiviti kreativiti cukup ditekankan, (maka) saya pilih menyertai Kelab Debat di sekolah menengah sejak awal lagi sebab minat.

"Minat sedalam mana sekalipun, tanggungjawab sukses dalam akademik di kelas tetap nombor satu, ini pentingnya fokus dan pengurusan masa," jelas beliau.



**MUHAMMAD Suhail Rosidi.**




**MUHAMMAD Suhail Rosidi (dua dari kanan) bersama-sama pasukannya yang menjuarai Pertandingan Debat Sekolah-Sekolah 2014 baru-baru ini.**

Muhammad Suhail menyimpan cita-cita untuk menjadi jurutera bidang aeroangkasa.

### Mentor

Hobi Muhammad Suhail banyak, antaranya fotografi dan membaca buku.

Selain membaca, Muhammad Suhail cukup menghayati cara debat pendakwah terkenal dunia, Dr. Zakir Naik, yang turut digelar juga sebagai 'Ahmed Deedat muda" di *youtube*.

"Istimewanya, Dr. Zakir Naik ini antaranya bahasa yang digunakan cukup mudah, gagasan hujah yang digunakan pun cukup rasional.

"Bagi saya, Dr. Zakir Naik berjaya merasionalkan persoalan-persoalan agama yang begitu rumit pada zamannya, dan saya anggap dia mentor yang banyak mempengaruhi cara debat saya," katanya sambil tersenyum.

Di rumah, jelas Muhammad Suhail, pemikirannya senantiasa diasak oleh ayahnya sendiri, tak kiralah sama ada mengenai isu kenegaraan hinggalah isu fiqh yang berlegar rumit dalam dunia kontemporari umat Islam.

"Bakat.....? Mungkin terikut-ikut cara ayah, selain, yang banyak memberi nasihat.

"Untuk menjadi pendebat yang terasuh, saya sendiri diasuh membuat persiapan mental, penyelidikan, ketenangan jiwa, pengetahuan am dan banyak lagi," ujar beliau.

Muhammad Suhail berkata, prinsip hidupnya adalah *'do the best and lets Allah do the rest'*.

### Mahu jadi Ahli Politik?

Walaupun masih dibangku sekolah, Muhammad Suhail selalu mengikuti sesi perbahasan secara *online*, sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Beliau mengaku bahawa beliau cukup kagum dengan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Dewan tertentu yang begitu bermaklumat serta dinamik dalam menyertai sesi perbahasan.

"Bagi saya, ketinggian dan kemuliaan sesebuah institusi seperti itu antara lain tergantung pada mutu perbahasan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Dewan sendiri.

"Ramai tak capai *standard*, mungkin kerana tidak terlatih seperti di beberapa negara moden... sesi perbahasan acapkali berlangsung tanpa fakta, dibuai emosi politik yang sukar dikawal.

"Tapi, saya cukup bangga dengan beberapa ahli politik yang dilihat begitu dinamik dalam berdebat, menguasai sesi perbahasan dengan hujah, ilmu dan rasional," jelas Muhammad Suhail.

### Harapan

Seperti anak muda lain, Muhammad Suhail turut menyimpan impian agar masa depan Malaysia adalah lebih gagah untuk anak muda kelak.

"Malaysia yang gagah memerlukan anak muda yang rasional, bermaklumat, kreatif, berkebolehan untuk berhujah dan berkongsi idea secara rasional.

"Seperti debat, saya pun memerlukan asuhan, (maka) anak muda juga perlukan asuhan yang gagah jika mahu Malaysia yang lebih gagah pada masa depan," seru beliau mengakhiri sesi wawancara.



**BERGAMBAR bersama-sama pasukan Sekolah Menengah Agama Perseketuan Kajang, Selangor (kanan, berbaju hijau) yang berjaya memperoleh tempat kedua pertandingan.**

# *Tranquilizer gun* cara tangkap anjing liar berperikemanusiaan




**DEMONSTRASI penggunaan *tranquilizer gun* oleh salah seorang pengendali.**

Oleh: **CHEAH JAY LOON**

**GEORGE TOWN –** Bagi mencapai matlamat Polisi Tidak Membunuh (*No Kill Policy)* terhadap anjing-anjing liar di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal melaksanakan kaedah penggunaan *tranquilizer gun*.

Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Kecil Penangkapan Anjing Liar MPPP, S. Sukumar berkata, kaedah tersebut digunakan bagi memastikan cara penangkapan anjing liar serta terbiar adalah berperikemanusiaan.

"Ia hanya akan digunakan di lokasi lapang serta pantai supaya keselamatan masyarakat awam terjamin.

"Pistol yang digunakan adalah *Standard Tranquilizer Rifle Unit 11m Bore Barrel* iaitu lebih mesra pengguna.

"Sehingga kini, hanya dua individu telah menerima latihan serta layak menggunakan peralatan tersebut sebagaimana diluluskan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Kerajaan Negeri," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Sukumar, MPPP bakal melancarkan Polisi Tidak Membunuh bagi menjamin tiada anjing liar dibunuh sesuka hati selain yang didapati ada penyakit atau (penyakit) mental.

Tambahnya, mengikut Undang-undang Kecil (Anjing-anjing) MPPP 1977, lesen anjing adalah diwajibkan kepada pemilik sebagai kawalan terhadap aktiviti berjangkit.

"Mana-mana pemilik yang gagal mendapatkan lesen anjing boleh dikenakan kompaun sebanyak RM100 dan (pemilik) juga boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

"Kami akan mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik anjing yang tidak memiliki atau membuat permohonan lesen anjing selepas 1 Oktober ini," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong memberitahu, bangunan Bahagian Kesihatan Awam bernilai RM8.2 juta terdiri daripada kandang-kandang haiwan dan ruang pejabat bakal dibina MPPP.

"Bangunan ini adalah bagi menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan semua masalah berkaitan haiwan liar dan terbiar dengan lebih berkesan serta efektif mengikut aspek disarankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

"Sebanyak 20 unit kandang anjing termasuk dua kandang anjing berpenyakit, aktiviti pemandulan anjing (1), persediaan dan rawatan anjing (1), aktiviti perlesenan anjing (1) bakal diwujudkan," ujarnya.

Tambahnya, risalah berhubung tatacara perlesenan anjing akan diedarkan kepada orang awam untuk memaklum dan memberi maklumat pendidikan tentang kepentingan berkaitan.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi, Unit Veterinar MPPP pada talian, *04 – 281 2396/04 – 281 0850* atau emel, *wanmohamad@mppp.gov.my*.

## Cadang tubuh Mahkamah Munisipal urus kes PBT

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**S. Sukumar.**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) disarankan agar menubuhkan Mahkamah Munisipal bagi mengendalikan kes-kes berkaitan majlis yang kini dilihat semakin tertunggak dan membebankan Mahkamah Majistret, ujar Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan, S. Sukumar ketika membentangkan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, mengikut Akta Kerajaan Tempatan, Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, kes-kes melibatkan PBT adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret kini.

"Namun, sehingga kini, secara puratanya, boleh dikatakan hanya separuh sahaja kompaun-kompaun dibayar pesalah dan bakinya masih tertunggak dan perlu diambil tindakan mahkamah berkaitan.

"Ini secara tidak langsung menambahkan beban Mahkamah Majistret kerana institusi berkenaan turut bertanggjawab ke atas kes-kes agensi kerajaan yang lain," ujarnya.

Tambah Sukumar, Undang-undang Kecil yang digubal MPPP berlipat ganda banyaknya berbanding dengan akta diluluskan Parlimen melibatkan PBT.

"Sudah semestinya perlaksanaan penguatkuasaan Undang-undang Kecil ini akan melalui tindakan Mahkamah Majistret.

"Bahkan, bukan itu sahaja, selain daripada Jabatan Penguatkuasa MPPP, jabatan-jabatan lain seperti Kesihatan, Kejuruteraan, Bangunan, Perancang dan lain-lain juga semakin meningkat permintaannya untuk memfailkan kes masing-masing di mahkamah," tegas beliau.

Secara tidak langsung, Sukumar menyatakan bahawa situasi tersebut menyumbang kepada peningkatan kes-kes saman MPPP yang semakin tertunggak.

"Justeru itu, saya merasakan sudah sampai masanya menubuhkan Mahkamah Munisipal MPPP bagi mengendalikan kes-kes PBT berkaitan," ujar beliau.

## Delegasi pelajar Korea di Seberang Perai



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan salah seorang pelajar pada sesi lawatan ke Padang Kota di sini baru-baru ini.**



**DELEGASI pelajar Gwangju ketika terlibat dalam salah satu aktiviti yang dianjurkan.**

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM –** Hasil memorandum perjanjian persahabatan ditandatangani antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Bandar Metropolitan Gwangju, Korea Selatan pada 17 Mei lalu, seramai 18 delegasi pelajar telah dihantar sebagai sebahagian daripada program pertukaran idea serta maklumat antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.

Selain dibawa ke lokasi-lokasi menarik di Seberang Perai, delegasi terbabit turut dibawa melawat bahagian pulau Pulau Pinang.

Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif berkata, program tersebut adalah sebagai perkongsian idea dan maklumat mengenai budaya pentadbiran, seni, pendidikan serta ekonomi dua pihak.

"Diharap melalui hubungan ini, lebih ramai lagi warga Korea akan datang melawat Pulau Pinang terutamanya Seberang Perai," ujarnya di sini baru-baru ini.

Pada 17 Mei lalu, MPSP telah menandatangani memorandum perjanjian persahabatan dengan Datuk Bandar Metropolitan Gwangju, Kang Un-tae.

Delegasi 18 pelajar berkenaan tiba di Pulau Pinang pada 25 Ogos lalu dan berada di sini selama lima hari.

# 90 peratus setuju tukang masak warganegara - MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Sebanyak 90 peratus daripada 890 responden bersetuju warganegara diambil bekerja sebagai tukang masak di gerai penjaja serta kompleks makanan dekat sekitar Seberang Jaya.

Pengarah Pelesenan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Ibrahim Md. Noor memberitahu, kaji selidik itu dijalankan dalam tempoh 25 Julai hingga 25 Ogos lepas.

"Keputusan ini, MPSP akan sampaikan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng," katanya dalam satu sidang media bersama-sama Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis lain, Tan Cheong Eng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media itu.

Maimunah memberitahu, MPSP hanya melaksanakan bancian berwajib, manakala, syor menguatkuasa larangan buruh asing digajikan sebagai tukang masak utama gerai penjaja serta kompleks makanan adalah bergantung pada keputusan Kerajaan Negeri kelak.

Terdahulu, Maimunah mengakui bahawa isu buruh asing menjadi tukang masak di gerai-gerai penjaja serta kompleks makanan turut memberi impak negatif kepada MPSP belakangan ini.

Sebelum ini, Guan Eng dalam satu kenyataan media meminta MPSP dan MPPP menjalankan bancian dan kaji selidik berhubung perkara berbangkit tersebut.

Syor Guan Eng itu sebagai reaksi pada satu laporan penguatkuasaan MPPP yang menyebut lebih 119 buruh asing diambil bekerja sebagai tukang masak utama di 68 pusat penjaja makanan di negeri ini membabitkan kawasan sekitar Bayan Baru, Relau, Jelutong dan Tanjung Tokong.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan) dan Sr. Rozali Mohamud pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Program pertukaran belia cipta sejarah MPSP

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya menganjurkan program secara bersama dengan delegasi antarabangsa dari Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif berkata, beliau berharap program pertukaran belia tersebut dapat mengerat lagi hubungan persahabatan antara pihak berkuasa tempatan (PBT) di kedua-dua bandar, Seberang Perai dan Gwangju pada masa depan.

"Program persahabatan ini juga sebenarnya membuka peluang kepada semua delegasi dari Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea untuk menimba pengalaman serta mengenali dengan lebih dekat MPSP sebagai PBT, kebudayaan Malaysia (serta) cara hidup komuniti tempatan.

"Kalau ada peluang dan sumber, mungkin selepas ini pelajar dan delegasi kita pula ke Gwangju," ujarnya pada Majlis Penutupan Program Pertukaran Belia Antara Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea dan Seberang Perai di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Ketua Delegasi merangkap Pegawai Polisi Wanita, Belia dan Masyarakat bagi Bandar Metropolitan Gwangju, Kang YoungSook dan Dr. Gang ByoungYeon (Pengarah Eksekutif Pusat Hak Asasi Belia Korea) turut berucap pada majlis terbabit.

Pengarah Urusan Pusat Hak Asasi Belia Korea, HwangSuju dan PaekAekYoung (penterjemah), serta 30 mahasiswa Korea turut hadir pada majlis itu.

Hadir sama, Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Pengetua Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (SMS TSSS), Jamaluddin Yaakob dan Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light, serta para pelajar masing-masing.

Difahamkan, semua delegasi program tersebut dirai bermalam di asrama SMS TSSS dalam tempoh tiga hari.

Sepanjang waktu itu, delegasi didedahkan mengenai amalan hijau hingga melayakkan SMS TSSS selama dua tahun berturut-turut menjuarai Program Sekolah Hijau, anjuran MPSP sendiri.

Delegasi turut diraikan dalam satu aktiviti pertandingan Fesyen Hijau, anjuran Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light.

"MPSP sendiri turut mempromosi konsep 4R, iaitu amalan *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle* di sekolah-sekolah sekitar Seberang Perai serta aktiviti-aktiviti kehijauan yang giat kita anjurkan bersama-sama badan korporat, komuniti dan pelanggan kita," ujar Maimunah.

Tidak cukup dengan itu, katanya, delegasi turut dibawa melawat kawasan-kawasan menarik sekitar Seberang Perai serta George Town yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Justeru, Maimunah memberitahu, program pertukaran belia berkenaan bolehlah dianggap sebagai 'majlis balas' kunjungan beliau ke beberapa program rasmi di Gwangju sejak tahun 2011.

## Buat aduan jika sewa lebih peratusan lulus

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membuat penyelarasan semula gara-gara kadar baru di sembilan sewa gerai dan lima kompleks makanan diadu mengalami kenaikkan melebihi 100 peratus.

Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif menjelaskan kesemua sembilan pasar awam terbabit sejak era Kerajaan Negeri lalu pada tahun 2008 telahpun diberi diskaun serta kadar sewa di bawah garis bayaran standard yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"RM65 sepatutnya kadar lama standard untuk gerai jenis sayur tetap, gerai jenis sama di Pasar Awam Tasek Gelugor umpamanya sejak dulu lagi menikmati diskaun RM52 sebulan.

"Kita telah menetapkan kenaikkan berdasarkan kadar sewa lama, iaitu, RM104 sebulan jika dahulu mereka menyewa RM52 (sebulan) supaya kenaikkan tiga lagi baik melebihi 100 peratus seperti dipertikai sebelum ini," ujarnya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, gerai terbabit adalah Kompleks Penjaja Pasar Awam Chai Leng Park, Pasar Awam Seberang Jaya, Gerai Khinzir Pekan Kepala Batas, Pasar Awam Taman Berjaya, Pasar Awam Sungai Dua, Pasar Awam Tasek Gelugor, Pasar Awam Sri Penanti, Pasar Awam Sungai Bakap, Pasar Awam Berapit, Kompleks Makanan Lebih Kurau 5, Kompleks Makanan Sungai Puyu, Kompleks Makanan Teluk Air Tawar Indah, Kompleks Makanan PPS Jalan Perusahaan 8A dan Kompleks Makanan PPS Jalan Perusahaan 8B.

Tambah Maimunah, penyewa gerai dialu-alukan membuat aduan di Jabatan Pelesenan MPSP sekiranya masih terdapat kenaikkan melebihi peratusan diluluskan, iaitu 100 peratus bagi kelas 1, 60 peratus bagi kelas 2, 40 peratus bagi kelas tiga dan 20 peratus bagi kelas 4.

"Empat kategori atau kelas ini berdasarkan perniagaan yang diamalkan serta lokasi dinilai secara munasabah," ujarnya.

Sebelum itu, Pengarah Jabatan Pelesenan, Mohd. Ibrahim Md. Nor menjelaskan, jumlah kutipan sewa untuk kesemua 65 kompleks makanan dan 29 pasar awam di Seberang Perai pada tahun 2013 adalah berjumlah RM3,498,684, manakala, RM4,418,502 pula adalah kos perbelanjaan.

"Kenaikkan ini tidak dapat dielakkan lagi apabila MPSP dikenal pasti menanggung kurangan kewangan kira-kira RM919,818 pada tahun lepas, apabila kos penyelenggaraan jelas melebihi jumlah kutipan kita (di Jabatan Pelesenan)," jelas Mohd. Ibrahim.

MPSP direkodkan melakukan semakan kadar sewaan serta dinaikkan dua kali sebelum ini, iaitu pada 10 Januari 1967 dan 1 Januari 1992.

# Kreatif warna tanglung tawar hadiah lebih RM500

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PULAU TIKUS –** Seramai 60 kanak-kanak berusia dari lima tahun hingga 12 tahun mengambil bahagian dalam Pertandingan Mewarna Lantera atau Tanglung sempena Perayaan Pertengahan Musim Luruh yang juga dikenali sebagai *Mid Autumn Festival* di ruang legar sebuah pusat membeli-belah di sini baru-baru ini.



SALAH seorang peserta tekun mewarnakan tanglung mengikut kreativitinya.

Pertandingan anjuran Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Sireh tersebut menyaksikan Lee Zee H'ng, 11, mengungguli pertandingan tersebut dengan membawa pulang wang tunai RM500 dan baucar tunai dari *Home's Harmony* bernilai RM250.

Tempat kedua dimenangi, Phoon Zi Hui, 12, dan ketiga, Oliver Hojbjerb, 11, masing-masing membawa pulang wang tunai RM400 dan RM300 berserta baucar tunai dari Home's Harmony bernilai RM250.

Turut menerima hadiah wang tunai dan baucar adalah tujuh pemenang terpilih lain.

Pertandingan berkenaan diadili Pengurus Pemasaran Gurney Plaza, Peter Chin, Emi Yamazaki dari *Pink Hibiscus Club* dan Felix Chuah *(Equator Academy of Art)*.

Turut sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan dua Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Chris Chun Kit Lee dan Haris Zuan.




SUASANA ketika berlangsungnya Pertandingan Mewarna Tanglung di sini baru-baru ini.

## Terap semangat penyatuan, hidup dalam suasana harmoni - ADUN



MASYARAKAT pelbagai bangsa dan keturunan mengambil bahagian dalam penganjuran Pesta Tanglung Peringkat DUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT –** Lebih 300 penduduk hadir menyertai perarakan tanglung bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo pada majlis sambutannya di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga merupakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, perayaan yang juga dikenali sebagai *Mid Autumn Festival* tersebut bukan hanya disambut masyarakat Tionghua, malah, secara sejagat oleh semua kaum.

"Semangat penyatuan inilah yang ingin diterapkan dalam setiap jiwa warganegara Malaysia agar kita dapat bersama-sama hidup dalam suasana harmoni dan saling hormat menghormati," ucapnya ketika hadir meraikan Pesta Tanglung Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat di Pangsapuri Medan Ria di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, beliau turut menyampaikan sumbangan hamper berupa makanan asasi kepada 150 warga emas terpilih dan menjamu selera bersama-sama penghuni di sini.

## Uji kreativiti cipta tanglung guna bahan terpakai




PARA pengadil jemputan sedang mengadili tanglung-tanglung yang dihasilkan menggunakan bahan terpakai sempena penganjuran Pesta Tanglung DUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Uniknya Pesta Tanglung anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya adalah pertandingan mereka bentuk tanglung menggunakan bahan-bahan terpakai atau kitar semula.

Walaupun hanya memperoleh kira-kira 10 penyertaan daripada golongan kanak-kanak di sekitar kawasan tersebut, namun, kreativiti yang dipamerkan adalah amat mengangumkan.

Tidak terhad dengan reka bentuk tradisional, tanglung yang dihasilkan terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya, berbentuk binatang, jentera pasukan Bomba dan Penyelamat, kapal dan lain-lain.

ADUNnya, Dr. Afif Bahardin berkata, penganjuran tersebut berjaya mengumpulkan kira-kira 100 penduduk pelbagai bangsa dan keturunan untuk bersama-sama memeriahkan sambutan tahunan berkenaan.

"Selain Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Tenggiri, kejayaan menganjurkan program tersebut adalah hasil komitmen beberapa syarikat korporat di sini.

"Saya berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan bagi memupuk semangat muhibbah di antara kaum khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya," katanya pada penganjuran Pesta Tanglung di sini baru-baru ini.

Acara kemuncak pesta itu adalah perarakan membawa tanglung mengelilingi kawasan perumahan di Jalan Tenggiri di sini yang turut disertai Pengurus Besar Sunway Hotel Seberang Jaya, Ben Ho dan Ketua Pegawai Operasi A TU Z, Evellin Thor Kah Suan.

# Bantu JKKK pantau palang besi Kampung Dock

Teks dan Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah menggesa penduduk Kampung Dock di sini supaya bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) kawasan terbabit bagi memantau kerosakan palang besi yang dilaporkan di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Ong Chin Wen berkata, palang tersebut dipasang ekoran permintaan penduduk yang berasa tidak selamat dengan kehadiran bas dan lori yang memandu laju melalui kawasan itu.

"Jalan berdekatan dengan kampung ini sering dijadikan laluan alternatif oleh pemandu-pemandu lori dan bas kilang bagi mengelakkan kesesakan di jalan utama sekaligus membahayakan nyawa penduduk terutamanya kanak-kanak di sini.

"Jalan tersebut asalnya hanya digunakan pemandu kereta dan penunggang motosikal di kampung ini, tetapi ia semakin kerap dilalui bas serta lori sejak kebelakangan ini," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis bagi MPSP, Shafiqah Shobha Abdullah dan Pengerusi JKKK Kampung Dock, Ahmad Hussin.

Menurut Chin Wen, usaha diambil pihak beliau dengan bantuan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) seperti sia-sia kerana palang yang dipasang telah dirosakkan dan dicabut selepas tempoh masa dua hari pemasangan.

"Kali pertama ia dirosakkan adalah pada 28 Jun lepas sebelum dibaiki semula pada 4 Julai dengan bantuan JKR.

"Kini, palang tersebut dirosakkan lagi sehingga tercabut," tegasnya.



**SHAFIQAH Shobha Abdullah (kiri sekali) bersama-sama penduduk Kampung Dock memerhatikan keadaan palang yang tumbang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Chin Wen turut tidak menolak kemungkinan bahawa palang tersebut dirosakkan pihak yang bertindak membuang sampah secara haram berdekatan laluan tersebut.

"Daripada hasil tinjauan pada hari ini, kita dapati terdapat tapak pembuangan sampah haram yang digunakan pengusaha kilang di sini.

"Kita tidak menolak kemungkinan bahawa palang ini dicabut untuk membolehkan lori masuk ke tempat pembuangan sampah haram.

"Justeru, MPSP diminta memantau keadaan ini," seru Chin Wen.

# Hari Keluarga P. Betong semai kerjasama masyarakat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar **: IDZHAM AHMAD**

**PULAU BETONG –** Bertujuan mengumpulkan semua warga Balik Pulau dalam jalinan ukhuwah dan menyemai kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat, Pusat Khidmat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong mengambil inisiatif menganjurkan Hari Keluarga KADUN Pulau Betong 2014 di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUNnya, Mohd. Tuah Ismail berkata, kira-kira 3,000 warga Balik Pulau hadir dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Balik Pulau.

"Alhamdulillah, kalau kita tengok pada hari ini, memang jelas terpancar jalinan ukhuwah tanpa mengira kaum, latar belakang dan usia, semua hadir membantu dalam menjayakan Hari Keluarga ini," katanya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis MPPP yang terlibat.

Hadir menyempurnakan program tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri.



**KANAK-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna pada penganjuran Hari Keluarga KADUN Pulau Betong 2014 di sini baru-baru ini.**

Pelbagai aktiviti menarik diadakan, antaranya perlumbaan motor lambat, pertandingan sepak raga tuju, pertandingan masakan, pertandingan gubahan dan ukiran, pertandingan mewarna, pertandingan gusti lengan, kempen derma darah, pameran korporat, pemeriksaan kesihatan percuma dan sukaneka rakyat.



**GUSTI lengan yang paling mencuri tumpuan.**

# Derma darah wajar diadakan selalu - Zairil



**SEORANG pegawai perubatan membuat pemeriksaan terhadap Zairil Khir Johari (kiri sekali) bagi memastikan beliau layak menderma darah atau sebaliknya pada Kempen Derma Darah di sini baru-baru ini.**

**TANJUNG TOKONG –** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyeru supaya lebih ramai masyarakat umum menyertai kempen menderma darah dari masa ke masa dalam usaha menampung keperluan darah di negeri ini.

Zairil berkata demikian ketika hadir pada Kempen Derma Darah anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club of George Town* bersempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 baru-baru ini di sini.



**ZAIRIL Khir Johari (duduk, kiri) dan isteri (duduk) bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur menunjukkan poster penganjuran.**

Turut sama, isteri beliau, Dahlia Hamzah dan Presiden Lions Club, Kevin Teow Hai Theng.

Ketika ditemui, beliau berkata, kempen derma darah wajar diadakan selalu bagi mengekalkan bekalan darah di samping dapat menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan.

"Saya difahamkan bahawa satu pint darah boleh menyelamatkan tiga nyawa dan prosedur pendermaan darah juga adalah mudah, tidak sakit dan selamat dalam masa lebih kurang 10 hingga 15 minit sahaja.

"Lagipun, ia merupakan amalan yang murni dan mulia," katanya yang turut menderma darah bersama-sama Dahlia dalam penganjuran berkenaan.

Kempen yang mendapat kerjasama Hospital Seberang Jaya itu berjaya mengumpul sejumlah 120 pint darah pada penghujung kempen yang dianjurkan.

# Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

Contoh:




Sumber Gambar : Internet

Contoh:









Sila isi butiran berikut:

Nama : ............................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ...........................................

Alamat: ............................................................

............................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

............................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ............................................................

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.
12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:
**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**

**Kedua: RM300**

**Ketiga: RM150**

**5 Hadiah Saguhati**